

**Curriculum Planning & Development Division  
Ministry of Education  
2002**

**SUKATAN PELAJARAN  
BAHASA MELAYU (MENENGAH)**

**Malay Language Syllabus  
Secondary**



**Bahagian Perancangan dan Pengembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan  
Singapura**

**Tahun pelaksanaan bermula dari 2002  
Hak cipta terpelihara**

## DAFTAR ISI

Pengenalan	1
Matlamat dan Objektif Pengajaran	4
Tema dan Tajuk	11
Teori, Pendekatan dan Kaedah	16
Spektrum Kemahiran dan Senarai Fungsi Komunikatif Bahasa	20
Pengajaran Tatabahasa	36
Pengajaran Peribahasa	49
Panduan Penilaian	51
Lampiran 1 Hasil Ketara Pembelajaran Mengikut Kursus dan Peringkat	58
Lampiran 2 Hasil Pendidikan Yang Diingini	70
Lampiran 3 Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B'	71

## PENGENALAN


### Sistem Pendidikan Menengah

- 1 Para pelajar diberikan pendidikan menengah selama 4-5 tahun melalui penekanan kurikulum yang berbeza. Para pelajar yang lebih berkebolehan akan ditempatkan di Kursus Ekspres/Khas selama 4 tahun, sementara yang lain akan ditempatkan di Kursus Normal selama 4-5 tahun. Bagi memenuhi keperluan para pelajar yang kurang cenderung terhadap mata pelajaran akademik, satu kursus pilihan yang berorientasikan teknikal telah dikenalkan dalam Aliran Normal, iaitu Kursus Normal (Teknikal). Para pelajar kedua-dua aliran ini, iaitu Normal (Akademik) dan Normal (Teknikal) akan mengambil peperiksaan GCE peringkat 'N' pada akhir tahun keempat pengajian mereka. Seterusnya, para pelajar peringkat 'N' yang lebih berkebolehan diberi peluang untuk meneruskan pengajian mereka ke tahun kelima dan mengambil peperiksaan GCE peringkat 'O'.
- 2 Sukatan pelajaran ini dirancang untuk kegunaan guru-guru Bahasa Melayu bagi menyediakan para pelajar mengambil peperiksaan GCE peringkat 'N' dan GCE peringkat 'O'.
- 3 Walaupun matlamat pembelajaran Bahasa Melayu ini secara am meliputi kesemua pelajar, para guru Aliran Normal perlu membuat penyesuaian ketika menggunakan sukatan pelajaran ini bagi memenuhi keperluan dan kebolehan para pelajar mereka. Mereka harus menentukan tahap pencapaian yang mereka harapkan daripada pelajar bagi memenuhi Matlamat dan Objektif Pengajaran yang tercatat di Bab 1.

Sebagai bantuan, satu senarai Panduan Kelakonan Pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ketara dalam kesemua domain pembelajaran di akhir peringkat menengah rendah dan peringkat menengah atas persekolahan disediakan untuk para guru di Lampiran 1.

- 4 Selain menentukan tahap pencapaian, guru perlu juga memikirkan jajaran kemahiran-kemahiran berbahasa (yang tercatat di Bab 6) yang harus dikembangkan dan takat pengolahan yang patut diberikan.
- 5 Sukatan pelajaran ini memberikan sedikit darjah kelenturan dalam perancangan skema kerja (rancangan pengajaran) bagi Kursus Normal. Namun, guru-guru harus mengambil kira peruntukan untuk pemindahan lateral ke Kursus Ekspres. Dari itu, para guru harus memanfaatkan setiap kemajuan linguistik para pelajar mereka yang signifikan atau menonjol sepanjang tahun dengan menyediakan tugas/aktiviti yang lebih mencabar untuk membantu mereka beralih ke Aliran Ekspres.
- 6 Pada tahun 1997, Kementerian Pendidikan memperkenalkan tiga inisiatif iaitu Teknologi Maklumat, Pendidikan Nasional dan Kemahiran Berfikir. Ketiga-tiga inisiatif ini perlu diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Walaupun demikian, matlamat pengajaran tetap ditujukan pada peningkatan pencapaian dan kemahiran berbahasa pelajar-pelajar. Di bawah ini dijelaskan lebih lanjut mengenai ketiga-tiga inisiatif itu.

- 6.1 Pembelajaran bahasa akan lebih menarik, berkesan dan memberangsangkan melalui penggunaan pelbagai media. Sebagai salah satu media yang penting, Teknologi Maklumat perlu diterapkan untuk mereka mencipta, memperoleh, menyimpan, menggunakan, menggabungkan, menyampaikan, berkomunikasi dan menyiarkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti teks, grafik, animasi, audio, video, gambar dan lain-lain.
- 6.2 Pendidikan Nasional boleh diterapkan dalam pelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan yang ada kaitannya dengan inisiatif tersebut. Dengan demikian pelajar-pelajar akan dapat meresapi nilai-nilai dan sikap-sikap positif yang berkaitan dengan perutusan Pendidikan Nasional.
- 6.3 Kemahiran Berfikir diberikan penekanan dalam sistem pendidikan memandangkan kemahiran ini amat penting bukan hanya dalam bidang kerjaya tetapi juga dalam bidang kehidupan sosial dan individu. Kemahiran berfikir terdapat dalam semua aktiviti penggunaan bahasa seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Model Tradisional Penggunaan Bahasa

- 7 Pada tahun 1998, Kementerian Pendidikan mengenalkan Hasil Pendidikan Yang Diingini ( Desired Outcome ) yang berkaitan dengan matlamat-matlamat pendidikan jenis afektif. Seperti tiga inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 1997, hasil pendidikan ini juga perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Senarai Hasil Pendidikan Yang Diingini terdapat pada Lampiran 2.

8 Pendekatan pengajaran masih berdasarkan tema, penggabungan dan kontekstual untuk menjadikan pembelajaran bahasa lebih mencabar, realistik, bermakna dan autentik.

9 Satu lagi pendekatan yang diperkenalkan dalam sukatan ini ialah pendekatan konstruktivis sosial. Pendekatan ini sesuai diterapkan dalam pengajaran bahasa oleh sebab ianya mementingkan kemahiran berfikir.

10 Pembelajaran bahasa bersifat organik. Kecekapan bahasa berkembang dengan pelbagai cara jika pelajar didedahkan dengan sekitaran bahasa yang kaya dan diberikan sokongan serta tanggungjawab bagi menguruskan sendiri pembelajaran mereka.

11 Masa pengajaran bagi mata pelajaran bahasa Melayu untuk pelbagai kursus dan peringkat adalah seperti berikut :

Kursus	Peringkat	Masa dalam satu minggu (jam)
Khas (Bahasa Melayu Lanjutan)	Menengah 1 - 4	4.25
Ekspres Normal Akademik (Bahasa Melayu)	Menengah 1 - 4 Menengah 1 - 5	3.75
Normal Teknikal (Bahasa Melayu Asas)	Menengah 1 - 4	2

## MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENGAJARAN

Matlamat pengajaran membolehkan guru memusatkan pengajarannya pada apa yang harus diketahui atau dapat dilakukan para pelajarnya pada akhir kursus atau sesuatu pelajaran. Dengan mengetahui matlamat pengajaran, para pelajar dapat memahami apa yang harus mereka ketahui atau lakukan. Matlamat boleh diumpamakan sebagai 'peta' yang memandu guru membuat keputusan berhubung dengan apa yang hendak diajar, aspek yang hendak diberi penekanan dan pengalaman pembelajaran yang akan dirancang bagi para pelajar. Dalam program pengajaran Bahasa Melayu, matlamat pengajaran dapat dinyatakan pada tiga peringkat, iaitu matlamat program, matlamat unit dan objektif pengajaran.

**Matlamat program** menggariskan apa yang akan dicapai pelajar pada akhir kursus Bahasa Melayu di sekolah menengah. Matlamat program mempunyai ciri-ciri berikut: skop (tajuk, konsep, kemahiran yang akan diajar); kesinambungan (peluang yang berterusan untuk mengajar kandungan pelajaran dan aktiviti serta kemahiran yang dianggap penting); pemeringkatan (perkembangan kumulatif pengajaran dan pembelajaran tema/tajuk, konsep dan kemahiran); integrasi (perkaitan isi sesuatu mata pelajaran dengan mata pelajaran yang lain).

**Matlamat unit** pula menyatakan arah bagi pengajaran tetapi tidak terlalu bersifat khusus sehingga menyekat guru mempelbagaikan teknik, aktiviti dan pemilihan alat bantu mengajar yang hendak digunakan.

Di peringkat rancangan pelajaran harian, objektif pengajaran atau objektif khusus pengajaran digunakan guru bagi menyatakan perlakuan yang diharap dapat dicapai pelajar di segi isi atau kandungan pelajaran, kemahiran dan sikap serta hasil ketara di segi peringkat pencapaian. Walaupun terdapat perbezaan antara matlamat unit dan objektif pelajaran, terdapat juga ciri-ciri persamaan antara kedua-duanya, iaitu bersifat membangun (developmental), menyatakan perlakuan yang dikehendaki dan bersifat realistik.

Objektif-objektif yang disenaraikan dalam sukatan ini tidak disusun mengikut tatatingkat oleh sebab keempat-empat kemahiran berbahasa bertumpang-tindih (overlap). Objektif-objektif ini merupakan objektif-objektif tamatan yang menunjukkan atau menyatakan tahap pencapaian pada akhir kursus pendidikan di sekolah menengah. Objektif-objektif ini diikuti dengan penjelasan lanjut bagi membolehkan guru memahaminya dengan lebih jelas.

Kemahiran-kemahiran yang disenaraikan dalam sukatan ini perlu diajarkan kepada pelajar-pelajar Aliran Khas, Ekspres dan Normal (Akademik). Bagi Aliran Normal (Teknikal) pula, kemahiran-kemahiran yang hendak diajar lebih tertumpu kepada kemahiran-kemahiran mendengar dan bertutur, dan juga sebahagian daripada kemahiran membaca dan menulis yang sesuai dengan kebolehan para pelajar. Bagi para pelajar aliran ini, lebih kurang 60% daripada masa kurikulum dikhususkan untuk perkembangan kemahiran mendengar dan bertutur, 30% bagi kemahiran membaca dan 10% bagi kemahiran menulis.

## Matlamat Program

Matlamat program ini membolehkan pelajar:

- 1 menggunakan bahasa secara berkesan dan baku dalam konteks komunikasi yang berfaedah dan bermakna
- 2 menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif melalui penggunaan bahasa
- 3 memperoleh dan menyampaikan maklumat, idea, perasaan dan konsep melalui penggunaan bahasa dan Teknologi Maklumat
- 4 menyerapi nilai-nilai murni dan menanam sikap positif terhadap konsep, idea atau gagasan
- 5 menghargai dan menghayati unsur-unsur budaya Melayu khususnya dan budaya-budaya lain amnya serta menanam atau memupuk kecintaan pada negara
- 6 menghargai bahasa sebagai alat yang penting dalam komunikasi.

## Kemahiran Mendengar

Membina kecekapan pelajar untuk mendengar pelbagai jenis teks dalam bentuk tulisan atau lisan yang sesuai panjangnya dan tidak terlalu kompleks. Kemahiran-kemahiran yang diharapkan dapat dicapai pelajar adalah seperti :

- melakukan arahan yang disampaikan
- mendengar dengan teliti dalam jangka waktu yang tertentu
- mengingat secara terperinci butir-butir mengenai sesuatu perkara
- mengenal pasti pelbagai intonasi yang digunakan bagi kenyataan, perintah, soalan dan permintaan
- memilih fakta atau informasi yang berkaitan dengan sesuatu perkara
- memahami dan mengingat idea-idea penting yang dikemukakan dan idea-idea yang menyokong dalam bahan penerangan dan sebagainya
- mendengar dan mengikuti dengan teliti perbincangan kumpulan
- mendengar dan memberi respons terhadap cerita, puisi atau penerangan dan lain-lain
- mengenal pasti tujuan tersirat penutur, pembaca, guru dan sebagainya

- mendengar rakaman yang mengandungi informasi atau hasil karya imaginatif dengan tujuan memberi respons yang berupa:
  - amalan
  - inferens
  - perbandingan
  - perkaitan
  - penilaian.

### **Kemahiran Bertutur**

Membina kecekapan pelajar untuk bertutur bagi pelbagai tujuan dan situasi. Pelajar diharapkan dapat mencapai kemahiran-kemahiran berikut:

- menyampaikan secara lisan dengan gaya dan laras bahasa yang sesuai:
  - arahan
  - penerangan
  - pengumuman
  - pengenalan
  - laporan
  - kritikan
- bertanya tentang sesuatu dan memberi respons dengan sewajarnya
- bercakap atau bertutur dengan sebutan yang terang, jelas dan dapat didengar

- bertutur dengan sopan dan tidak menyinggung perasaan pendengar
- bertutur secara bersungguh-sungguh untuk menyampaikan pendapat dalam kerja kumpulan atau berpasangan
- menerangkan peristiwa sebenar atau rekaan dengan menggunakan bahasa dan gaya yang sesuai
- menerangkan proses-proses yang berkaitan dengan sesuatu perkara
- berucap dengan dialog yang sesuai melalui pelbagai jenis lakonan
- berucap dengan yakin dan menggunakan laras bahasa, nada serta tatasusila yang sesuai dengan matlamat dan pendengar
- membaca teks sastera dengan gaya, tekanan dan intonasi yang sesuai
- mewawancara dengan mengemukakan soalan-soalan yang relevan
- memahami dan menjelaskan puisi/prosa yang dibaca sesuai dengan peringkat, minat dan kematangan pelajar.

### **Kemahiran Membaca**

Membina kemahiran membaca dan memahami pelbagai teks tulisan dalam pelbagai bentuk dan daripada pelbagai sumber bertujuan untuk mendapatkan maklumat, kenikmatan dan pembelajaran. Para pelajar diharapkan akan dapat mencapai kemahiran-kemahiran berikut:

- membaca teks dengan intonasi dan tekanan suara yang betul dan sesuai.
- membaca pelbagai jenis karangan termasuk karya sastera yang sesuai dengan peringkat pelajar seperti drama, rencana, syair, pantun dan lain-lain
- menyesuaikan kadar kelancaran bacaan dengan bahan bacaan, tujuan dan tugas
- memahami dan menafsir bahan grafik seperti graf, jadual, carta dll
- menggunakan berbagai-bagai strategi termasuk membuat inferens tentang makna perkataan-perkataan mengikut konteks penggunaannya
- memberi respons secara kritis dan kreatif terhadap teks bacaan
- mengenal pasti idea pokok bahan bacaan sama ada yang tersurat atau tersirat

- membaca dan memahami akhbar, khususnya ruangan-ruangan seperti iklan, sukan, mimbar pembaca dan isu semasa
- menikmati dan menilai penggunaan bahasa dalam sesebuah teks
- mengenal pasti idea sampingan atau penjelasan lanjut bagi idea pokok.

### **Kemahiran Menulis**

Membina kemahiran menulis dalam berbagai-bagai jenis karangan berdasarkan pelbagai tajuk dan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi:

- menulis dengan jelas supaya mudah dibaca
- mengisi borang-borang seperti jadual, borang soal-selidik dan lain-lain
- menulis berbagai-bagai jenis karangan seperti karangan deskriptif, naratif, surat, pesanan, arahan, laporan dan sebagainya secara kreatif dan imaginatif
- menulis karangan berdasarkan carta atau gambar
- menulis untuk pelbagai tujuan seperti menyatakan perasaan, keinginan, menyampaikan maklumat dan idea; mempengaruhi orang lain; menerangkan tentang sesuatu situasi atau prosedur; dan memberi komen tentang sesuatu

- menulis semula sesebuah teks untuk sesuatu tujuan
- menggunakan pendekatan proses untuk menulis mengenai sesuatu tajuk
- meringkaskan sesebuah karangan sesuai dengan tahap kecekapan pelajar.

### **Kemahiran Berfikir**

Membina kemahiran pelajar berfikir secara kritis dan kreatif sebagai responsnya terhadap kandungan pelbagai teks sama ada yang berbentuk tulisan atau lisan. Pelajar diharapkan dapat memahami, menguasai dan menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif seperti yang disenaraikan di bawah ini dalam pembelajaran, khususnya dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

- menjana/menghasilkan idea atau kemungkinan
- mengembangkan/meluaskan sesuatu idea
- membuat kesimpulan secara induktif (dari yang umum kepada yang khusus) dan deduktif ( dari yang khusus kepada yang umum)
- mempersoalkan sesuatu konsep/idea yang diketengahkan
- membuat ramalan berdasarkan fakta-fakta
- menyusun informasi atau data dengan membandingkan dan menggolongkan

- mengingat sesuatu idea/informasi dengan mengait dan mengekod (menyimpan maklumat dalam ingatan untuk jangka panjang )
- mengumpulkan maklumat dengan membentuk soalan dan memperoleh maklumat melalui soal selidik/survey atau temu duga
- memfokus dengan menetapkan matlamat/tujuan yang munasabah, seperti tugas bagi projek
- mengenal pasti masalah dan mentakrifkannya
- menilai sesuatu idea, konsep atau pendapat
- memilih idea/pendapat berdasarkan kriteria yang diwujudkan
- menentusahkan sesuatu fakta atau maklumat
- menyusun semula sesuatu idea dalam satu bentuk ke bentuk yang lain
- menganalisa sesuatu idea/informasi dengan mengenal pasti sifat dan komponen, corak dan hubungan komponen- komponen tersebut
- mengenal pasti kesilapan/kelemahan dalam sesuatu idea/informasi
- meringkaskan atau menyingkatkan sesuatu informasi agar mudah difahami.

### **Pengetahuan Mengenai Bahasa**

Membina pengetahuan pelajar untuk menyedari tentang struktur Bahasa Melayu agar dapat ditanamkan kesedaran 'metalinguistik' iaitu hal-hal yang menyentuh soal kebahasaan dan unsur-unsur bukan bahasa. Para pelajar diharapkan dapat mencapai kemahiran-kemahiran berikut:

- mengeja perkataan-perkataan dengan betul berdasarkan bunyi suku kata
- mengetahui unsur-unsur bahasa seperti perkataan, golongan kata, dan ayat
- mengenali unsur-unsur bahasa dan dapat menggunakannya dengan betul
- sedar tentang unsur-unsur bahasa dan bukan bahasa (non-verbal) dalam situasi komunikasi
- memahami dan dapat menyatakan perbezaan-perbezaan yang nyata dan mudah antara bahasa tulisan dan bahasa lisan
- memahami dan dapat menyatakan perbezaan antara bahasa baku dengan bahasa yang tidak baku (dialek, bahasa basahan)
- memahami unsur-unsur prosodik/supra-segmental seperti intonasi, tekanan dan sebagainya.

### **Bahasa dan Budaya**

Memupuk sikap dan nilai murni yang sesuai dengan budaya sendiri; dan dalam konteks negara berbilang bangsa dan budaya. Para pelajar diharapkan dapat mencapai kemahiran-kemahiran berikut:

- menggunakan fungsi bahasa sebagai alat pembentuk sikap dan nilai
- menunjukkan sikap positif terhadap budaya-budaya lain seperti yang digambarkan atau dipancarkan melalui teks tulisan atau secara lisan
- memberi dan menerima kritik-kritik yang membina dalam konteks komunikasi
- menerangkan kelainan atau perbezaan unsur-unsur budaya dan sedar perlunya memperbaiki keadaan hidup
- mengenal pasti dan menghargai nilai-nilai budaya sendiri terutama yang sesuai dengan semua masa dan zaman
- mengenal pasti nilai-nilai sejagat seperti keadilan, tanggungjawab, persamaan dan lain-lain
- memahami peranan bahasa sebagai wahana penerusan budaya.

## Pendidikan Nasional

Bagi memupuk sikap kecintaan terhadap tanah air, dan mengukuhkan jati diri sebagai warganegara yang kecintaan mereka tidak berbelah bagi, penerapan Pendidikan Nasional dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa hendaklah disemai secara tidak langsung melalui penggunaan bahan pengajaran yang kandungannya adalah langsung mengenai atau berkaitan dengan Pendidikan Nasional.

Dalam Pendidikan Nasional ada enam perutusan yang perlu diberi penekanan dalam pengajaran. Perutusan itu ialah:

**# 1 Singapura adalah tanah air kita; di sini tempat kita**

Kita mahu mengekalkan warisan dan cara hidup kita

**# 2 Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama**

Walaupun kita terdiri daripada berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya, kita mempunyai nasib yang sama

**# 3 Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat amanah**

Ini bermakna peluang bagi semua orang, mengikut kebolehan dan usaha mereka

**# 4 Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura**

Kita mesti mencari jalan sendiri untuk bertahan dan mencapai kemakmuran

**# 5 Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura**

Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan kita.

**# 6 Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita.**

Dengan bersatu, berazam dan bersedia, kita akan membina masa depan yang cerah bagi diri kita sendiri.

## Teknologi Maklumat

Teknologi Maklumat ialah semua bentuk teknologi yang digunakan untuk mencipta, menyimpan, menggunakan, menggabungkan, menyampaikan, berkomunikasi dan memaparkan maklumat digital dalam pelbagai bentuk. Ini termasuk teks, grafik, animasi, audio, video dan gambar.

Matlamat Teknologi Maklumat adalah seperti berikut:

- mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.
- melengkapkan pelajar dengan kemahiran menggunakan Teknologi Maklumat, berfikir secara kritikal serta kreatif dan berkomunikasi yang diperlukan dalam bidang pekerjaan dan kehidupan masyarakat dan dunia yang semakin mencabar
- menyelaraskan usaha penerapan Teknologi Maklumat dengan polisi negara yang menuju ke arah pembentukan '**Sekolah Berdaya Fikir, Negara Penimba Ilmu**'
- membolehkan generasi muda bersedia menghadapi masa depan yang penuh cabaran.

## TEMA DAN TAJUK

Di dalam sukatan pelajaran ini, beberapa tema serta tajuk-tajuk yang berkaitan dengan tema itu diterapkan dengan tujuan agar pengajaran dan pembelajaran bahasa mempunyai konteks dan latar. Tema yang ditetapkan merupakan unsur-unsur ilmu pengetahuan yang diserapkan daripada pelbagai bidang yang sesuai bagi peringkat perkembangan pelajar. Di bawah ini disenaraikan tema-tema dan tajuk-tajuk yang berkaitan. Selain tajuk-tajuk yang dinyatakan di sini, guru boleh juga memilih tajuk-tajuk lain yang sesuai untuk pelajar.

Lima tema utama yang telah dipilih adalah seperti berikut:

- 1 Alam Perhubungan Peribadi
- 2 Alam Kemasyarakatan dan Kenegaraan
- 3 Kawasan Serantau dan Dunia
- 4 Alam Kesenian dan Kebudayaan
- 5 Alam Imajinasi

### Tema 1: Alam Perhubungan Peribadi

Tajuk dan subtajuk

#### 1.1 Diri sendiri

- Latar kehidupan
- Hak dan tanggungjawab
- Sikap dan perlakuan
- Harapan dan aspirasi
- Nilai-nilai (seperti kesetiaan, menghormati orang tua)
- Pengalaman dan kebiasaan

#### 1.2 Keluarga dan sanak-saudara

- Pentingnya keluarga
- Hubungan kekeluargaan
- Tugas dan tanggungjawab
- Salasilah keluarga
- Ikatan budaya, nilai tradisi dan nilai-nilai keluarga Singapura (seperti keluarga sebagai unit asas kehidupan bermasyarakat, ikatan kekeluargaan, tanggungjawab terhadap ibu bapa)

#### 1.3 Rakan

- Memilih rakan
- Melayan rakan (seperti pengaruh rakan sebaya, kebebasan berkawan)
- Pengalaman berkawan (seperti kekecewaan, kembara, hiburan)

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepentingan bersahabat (rakan sekolah, rakan luar, rakan dewasa)</li> <li>• Rakan yang ideal</li> <li>• Masalah hubungan sesama rakan</li> </ul> <p><b>1.4 Kebersihan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diri dan keluarga</li> <li>• Rumah dan kawasan kejiranan</li> <li>• Negara</li> </ul> <p><b>1.5 Kesihatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senaman</li> <li>• Makanan seimbang</li> <li>• Istirahat</li> <li>• Tabiat-tabiati baik</li> <li>• Kesihatan mental dan fizikal</li> </ul> <p><b>1.6 Penyakit</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenis-jenis penyakit (seperti barah, Aids, sakit jantung, kencing manis, darah tinggi dsb )</li> <li>• Tekanan perasaan/jiwa (<i>stress</i>)</li> <li>• Perubatan moden</li> <li>• Perubatan tradisional dan alternatif (seperti urut, jamu/makjun, ubat periuk/herba, akupunktur, homeopati, refleksologi)</li> </ul>	<p><b>Tema 2: Alam Kemasyarakatan dan Kenegaraan</b></p> <p>Tajuk dan subtajuk</p> <p><b>2.1 Kejiranan/masyarakat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semangat kejiranan dan kekitaan</li> <li>• Sekitaran fizikal</li> <li>• Kemudahan-kemudahan riadah</li> <li>• Perpaduan sosial</li> <li>• Perkhidmatan kebajikan/kemasyarakatan (seperti Kelab Masyarakat, Rumah Tumpangan Orang-orang Tua)</li> <li>• Nilai-nilai hidup bermasyarakat (seperti bersimpati dan beramal, tanggungjawab sivik, penjagaan dan perhatian bagi warga tua dan orang-orang yang bernasib malang)</li> <li>• Ehwat semasa</li> </ul> <p><b>2.2 Negara</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perayaan Kebangsaan (seperti Hari Kebangsaan, Hari Belia, Hari Keharmonian Kaum)</li> <li>• Sejarah (seperti warga masyhur, peristiwa-peristiwa bersejarah)</li> <li>• Identiti Kebangsaan (seperti bendera negara, ikrar negara, lagu kebangsaan)</li> <li>• Nilai-nilai kebangsaan (seperti meritokrasi, rajin berusaha, belajar sepanjang hayat)</li> <li>• Budaya masyarakat berbilang bangsa (seperti cara hidup, makanan, pakaian, agama, sastera)</li> <li>• Pendidikan</li> <li>• Pekerjaan</li> <li>• Kegiatan waktu senggang</li> </ul>
--	---

- Kemudahan infrastruktur (seperti MRT, Lapangan Terbang Changi, SIA)
- Pertahanan Mutlak
- Pemerintah ( seperti Presiden Dipilih, Parlimen)
- Ehwat semasa (seperti pendermaan organ, pekerja asing)

### **Tema 3: Kawasan Serantau dan Dunia**

Tajuk dan subtajuk

#### **3.1 Jiran terdekat**

- Hubungan dengan negara-negara jiran
- Mengenali jiran kita (seperti penduduk, budaya, tempat-tempat menarik)
- Kerjasama serantau (seperti ASEAN)

#### **3.2 Warga dunia**

- Persefahaman dan kerjasama antarabangsa (seperti nilai-nilai murni sejagat, hubungan diplomatik, pertukaran pelajar)
- Tokoh dunia (seperti penulis, ahli sains)
- Kesan globalisasi terhadap:
  - cara hidup
  - fesyen
  - sikap
  - hiburan
  - teknologi/media massa
- Peristiwa-peristiwa penting (seperti sejarah, politik, budaya)

#### **3.3 Sains**

- Penemuan-penemuan penting (seperti bahan, teori, sumber tenaga)
- Biografi ahli-ahli sains yang termasyhur

#### **3.4 Perubatan**

- Penemuan-penemuan baru (seperti ubat, mesin, kaedah)
- Biografi pakar perubatan
- Trend masa depan

#### **3.5 Teknologi**

- Penemuan/Penciptaan (seperti alat, bahan, mesin, proses)
- Teknologi Maklumat
- Perkhidmatan/Pekerjaan (seperti e-dagang )
- Perhubungan masa depan

#### **3.6 Alam semula jadi**

- Kehidupan prasejarah
- Benda-benda di sekeliling kita (seperti tumbuh-tumbuhan dan binatang, hutan, bukit, kerikil dan karang dari laut)

#### **3.7 Keprihatinan terhadap sekitaran**

- Pencemaran (seperti pencemaran bumi, air, udara dan bising)
- Pengekalan dan pemugaran (seperti menghalang pemusnahan kawasan hutan dan pemupusan haiwan)
- Pemuliharaan/pelestarian (seperti bangunan sejarah, sungai, laut, tasik)
- Kitar semula (seperti kertas, plastik)

### **3.8 Bencana alam**

- Bumi (seperti gempa bumi, ledakan gunung berapi, wabak)
- Laut (seperti ribut, ombak besar)
- Unsur cuaca (seperti taufan, banjir, kebakaran hutan).

### **3.9 Unsur alam yang menakjubkan**

- Pelangi
- Ombak
- Salji
- Kejadian siang dan malam
- Serangga
- Tumbuh-tumbuhan

## **Tema 4 : Alam Kesenian dan Kebudayaan**

Tajuk dan subtajuk

### **4.1 Sastera**

- Puisi dan prosa ( klasik dan moden seperti pantun, hikayat, cerpen, sajak )
- Penulis-penulis terkenal
- Unsur-unsur nilai dalam cerita
- Cerita-cerita dari negara-negara asing (seperti legenda, cerita rakyat, cereka sains)

### **4.2 Muzik dan Tarian (Tradisional dan Moden)**

- Alat-alat muzik (seperti rebana, seruling, angklung)
- Irama (seperti keroncong, ghazal, dondang sayang)
- Seniman-seniman terkemuka
- Tarian (seperti zapin, inang, joget)
- Seni kata lagu
- Persembahan budaya ( seperti dikir barat)

### **4.3 Opera dan Drama**

- Bangsawan
- Sandiwara
- Drama
- Teater

### **4.4 Pakaian**

- Pakaian (seperti baju kurung, kebaya, selendang, kain samping, tanjak)
- Hiasan (seperti dokoh, subang, kerabu, anting-anting)

### **4.5 Kraf tangan**

- Anyaman (seperti tikar, rombong, ketupat, lekar, tudung saji, terendak, janur)
- Ukiran kayu dan logam
- Tenunan (seperti songket, kain)
- Lukisan (seperti pasu, batik)
- Gubahan (seperti kain, makanan)
- Senjata (seperti keris, lembing)

#### 4.6 Sukan dan Permainan

- Sukan (seperti lumba kolek, jong)
- Permainan (seperti layang-layang, congkak, canang, gasing, sepak takraw, batu seremban)

#### 4.7 Seni bela diri

- Silat
- Tembung
- Tae Kwan Do
- Karate

#### 4.8 Masakan

- Kuih-muih
- Lauk-pauk
- Masakan tradisional

#### 4.9 Budaya (Adat istiadat dan adab sopan)

- Peringkat kehamilan dan kelahiran (seperti peranan bidan, lenggang perut, pantang larang)
- Peringkat bayi dan kanak-kanak (seperti cukur rambut, berkhatan/bertindik)
- Perkahwinan (seperti merisik, meminang, bertunang, bernikah, bersanding)
- Adab berziarah (seperti melawat ke rumah teman, berziarah semasa Hari Raya, berziarah semasa kematian)
- Adab semasa makan bersama keluarga
- Adab ketika memberi ucap selamat
- Adat Raja-Raja (seperti pertabalan, pemasyhuran, kemangkatan, bahasa istana)

### Tema 5 : Alam Imajinasi

Tajuk dan subtajuk

#### 5.1 Misteri

- Dunia angkasa lepas (seperti kapal angkasa lepas, makhluk asing)
- Binatang raksasa (seperti gergasi, naga, geroda)
- Kehilangan misteri (seperti Segi Tiga Bermuda )
- Cereka (seperti cerita seram)
- Keajaiban (seperti peristiwa-peristiwa yang menakjubkan tentang pengubatan penyakit dan kejayaan-kejayaan lain)

#### 5.2 Peristiwa-peristiwa luar biasa

- Cereka (seperti cerita dewa-dewa, cerita rakyat, legenda, cereka sains)
- Aliran bawah sedar (seperti mimpi)
- Perjalanan dan pengalaman dalam angan-angan (seperti meliar, menerawang)

## TEORI, PENDEKATAN DAN KAEDAH

### TEORI

Teori adalah pendapat asas yang menjadi dasar pembentukan dan pengembangan sesuatu pengetahuan. Ia selanjutnya boleh menjadi dasar kepada pengambilan keputusan dan penentuan arah serta bentuk tindakan.

Dalam konteks menggubal sukatan pelajaran, teori amat penting sebab ia merupakan prinsip organisasi dalam pembentukan sukatan itu. Melalui teori, satu kerangka konsepsi dapat dibina bagi menghubungkan berbagai-bagai bahagian sukatan yang berbeza untuk menjadi satu keseluruhan yang bermakna. Dalam konteks pengajaran bahasa, teori membolehkan seseorang guru memperoleh perspektif yang luas dan menentukan arah yang lebih jelas bagi menjadikan pengajarannya lebih bermakna. Kesimpulannya, teori menjawab soalan '**mengapa**', seperti mengapa seseorang guru menggunakan sesuatu strategi, mengapa dia menggunakan sesuatu jenis soalan dan sebagainya.

Teori yang menjadi pegangan sukatan ini adalah berdasarkan dapatan-dapatan kajian di bidang-bidang linguistik, psikolinguistik, sosiolinguistik, pedagogi dan psikologi pendidikan. Antara lain, dapatan-dapatan yang menjadi landasan pembinaan sukatan pelajaran ini ialah:

- pengajaran bahasa yang berdasarkan konsep integrasi akan menjadikannya lebih bermakna, menarik, mencabar dan dapat menimbulkan rangsangan dalam diri pelajar. Kesepaduan mencakupi aspek perkaedahan dan penyerapan unsur-unsur pengetahuan dari pelbagai bidang
- pengajaran yang lebih mementingkan pelajar menggunakan bahasa untuk berbagai-bagai tujuan dalam pelbagai konteks dapat meningkatkan kemahiran mereka menggunakan bahasa daripada hanya mengkaji dan mencerakin struktur bahasa itu semata-mata
- bahasa bukan sahaja merupakan satu sistem berstruktur atau satu sistem lambang-lambang, tetapi yang lebih penting bahasa adalah alat komunikasi yang membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain
- motivasi untuk mempelajari bahasa dapat ditingkatkan jika pelajar mempunyai sedikit sebanyak pengalaman dan pengetahuan berhubung dengan tajuk dan bahan pengajaran/pembelajaran. Hal ini akan dapat mengembangkan daya berfikir dan kreativiti mereka. Penggunaan pelbagai jenis alat bantu mengajar yang sesuai secara berkesan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik serta memudahkan pencapaian objektif pengajaran

- bacaan tidak hanya dianggap sebagai satu proses pemahaman idea-idea yang cuba disampaikan penulis semata-mata, tetapi merupakan satu proses interaktif atau konstruktif yang juga melibatkan penggunaan pengetahuan dan pengalaman pembaca
- pengajaran yang mengambil kira dan disesuaikan dengan kebolehan, minat dan gaya pembelajaran yang berbeza-beza di kalangan pelajar akan lebih berjaya
- pembelajaran yang melibatkan pelajar saling bertukar pendapat, pengalaman atau maklumat secara berkumpulan atau berpasangan memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa dengan lebih luas.

## PENDEKATAN

Pendekatan ditentukan berdasarkan teori yang berkaitan dengan hakikat bahasa, pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa. Dengan kata lain, sesuatu pendekatan itu menggambarkan satu konsepsi mengenai sifat bahasa, bagaimana bahasa itu dikuasai, bagaimana bahasa itu digunakan dan difahami penggunaannya. Ini akan menentukan bagaimana bahasa itu seharusnya diajar dan dipelajari.

Pendekatan yang menjadi dasar sukatan ini mengutamakan pembelajaran bahasa para pelajar. Dalam konteks ini, bahasa lebih dilihat dari sudut fungsional dan interaktif, dan pengajaran lebih berpusat

pada pelajar. Guru bertindak sebagai fasilitator dalam proses pembelajaran. Guru juga menentukan arah pengajaran dan pembelajaran dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar dalam pelajaran bahasa. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar menggunakan bahasa untuk pelbagai tujuan dan situasi atau konteks. Guru perlu merancang pengajarannya agar sedapat mungkin setiap pelajar mendapat latihan atau pengalaman pembelajaran yang sesuai. Selain itu, guru perlu memainkan peranan utama sekiranya pelajar belum dapat menguasai kemahiran berbahasa untuk menjalankan kesemua fungsi komunikatif. Terdapat fungsi-fungsi komunikatif yang tidak dapat dicapai pelajar dengan berkesan tanpa bimbingan guru. Pendekatan yang dianjurkan oleh sukatan ini disebut **pendekatan holistik** atau 'menyeluruh' yang pada asasnya didasarkan kepada proses pemerolehan bahasa ibunda.

Satu lagi pendekatan yang disarankan ialah pendekatan konstruktivis sosial yang didasarkan pada psikologi kognitif. Mengikut pendekatan ini pembelajaran adalah hasil daripada interaksi antara empat komponen iaitu guru, pelajar, tugas dan konteks. Guru memilih tugas untuk pelajar dan pemilihan ini dipengaruhi oleh kepercayaan atau tanggapan guru tentang pengajaran dan pembelajaran. Pelajar akan memberi penafsirannya sendiri mengenai tugas yang diberi oleh guru. Guru akan berinteraksi dengan pelajar dan perlakuan dan tindakan guru akan dipengaruhi oleh nilai-nilai serta kepercayaannya. Konteks pula merujuk pada suasana yang terdapat dalam bilik darjah termasuk suasana fizikal, emosi, budaya dan lain-lain. Keempat-empat komponen itu memainkan peranan dalam menentukan kejayaan sesuatu pengajaran.

## KAEDAH

Berlandaskan teori dan pendekatan yang telah diterangkan, kaedah pengajaran yang dianjurkan dalam sukatan ini mestilah bersesuaian dan tidak saling bertentangan. Oleh sebab fungsi komunikatif di dalam sesuatu konteks melibatkan proses berinteraksi di kalangan pelajar, kaedah yang digunakan mestilah memperlihatkan dinamika proses interaksi yang menarik, bermakna dan menyeronokkan.

Kaedah pengajaran yang disarankan ialah :

- Pengajaran hendaklah menggabungkan jalin beberapa kemahiran seperti mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir. Guru boleh menggabungkan dua kemahiran atau lebih bergantung pada matlamat, masa pelajaran, penggunaan alat-alat bantu mengajar seperti komputer dan lain-lain. Perkara penting yang perlu ditentukan dahulu ialah apakah kemahiran utama yang mahu ditekankan dalam sesuatu pelajaran dan kemudian memikirkan apakah kemahiran sampingan yang bersesuaian yang dapat diterapkan dalam pelajaran. Guru juga boleh mengajar dengan memberikan penekanan kepada satu kemahiran jika guru merancang pengajaran berfokus seperti program pemulihan. Bagi para pelajar Aliran Normal (Teknikal), penekanan yang lebih diberi kepada kemahiran mendengar, bertutur dan membaca

- Penyerapan unsur-unsur pengetahuan daripada pelbagai bidang dapat mewujudkan suatu situasi yang membolehkan pelajar menggunakan bahasa dengan realistik dan bermakna. Lebih berkesan lagi jika unsur-unsur pengetahuan itu berkaitan dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar
- Pengajaran aspek-aspek bahasa seperti kosa kata, tatabahasa dan peribahasa tidak lagi diasing-asingkan dan tetap dalam jadual pelajaran. Sebaliknya, aspek-aspek tersebut harus diterapkan dalam pengajaran salah satu daripada keempat-empat kemahiran berbahasa dan dijalin dalam suatu konteks melalui penggunaan bahan bacaan, rakaman dan sebagainya
- Kaedah pengajaran bahasa secara komunikatif juga bersesuaian dengan pendekatan yang dianjurkan. Kaedah ini lebih menumpukan pada kandungan atau maksud interaksi. Ini dirasakan sesuai bagi pengajaran Bahasa Melayu di sekolah
- Pengajaran bahasa yang menggunakan kaedah komunikatif mempunyai ciri-ciri seperti jurang maklumat, unsur pilihan dan maklum balas. Situasi pembelajaran bahasa seperti ini menyerupai keadaan komunikasi yang sebenar



## SPEKTRUM KEMAHIRAN DAN SENARAI FUNGSI KOMUNIKATIF

Semua sekolah menengah perlu memperkukuh dan memperkembang bahasa dan kemahiran berbahasa yang telah dipelajari di sekolah rendah dengan menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif dalam pelbagai aktiviti bahasa. Bab ini menyenaraikan suatu spektrum kemahiran yang agak luas serta suatu senarai fungsi komunikatif untuk panduan guru merancang pengajaran mereka.

### **Kemahiran-kemahiran Mikro**

Kemahiran-kemahiran mikro dalam spektrum ini didasarkan kepada objektif-objektif tamatan dalam Bab 1, yang tergolong dalam domain-domain berikut:

- A Komunikasi dan Perkembangan Bahasa
- B Kemahiran Berfikir
- C Bahasa dan Budaya

Memandangkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai kematangan dan kebolehan linguistik yang amat berbeza antara satu sama lain, Ketua Jabatan dan Guru Kanan Bahasa Melayu, serta guru-guru Bahasa Melayu yang lain perlu menentukan untuk setiap peringkat dan aliran, kemahiran-kemahiran yang harus diajar bagi setiap domain. Dalam Spektrum Kemahiran berikut, tanda ( \* ) digunakan bagi menandakan

senarai kemahiran yang tidak perlu diajar sehingga pelajar bersedia menerimanya. Kemahiran yang tidak ditandai ( \* ) boleh diperkenalkan tahap demi tahap dari peringkat menengah satu dan seterusnya.

Guru-guru juga perlu bekerjasama menentukan kedalaman olahan yang patut diberikan kepada sesuatu kemahiran memandangkan bahawa tahap penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut dijangkakan berbeza-beza. Maksudnya, kemahiran-kemahiran yang sama berkemungkinan mengembang pada tahap-tahap keupayaan yang berbeza antara peringkat persekolahan serta antara aliran kursus. Contohnya, seorang pelajar menengah satu dari aliran normal mula diperkenalkan pada sesuatu kemahiran ketika rakannya dalam aliran ekspres sedang diperkukuh dengan kemahiran yang sama. Pengajaran sesuatu kemahiran itu harus dilakukan dalam konteks yang bermakna dan kaedah yang sepadu.

### **Fungsi-fungsi Komunikatif**

Senarai fungsi komunikatif yang berkaitan dengan Spektrum Kemahiran telah disusun di bawah tajuk-tajuk berikut:

- \* Menjalin Hubungan Sosial
- \* Menyampaikan dan Mencari Maklumat
- \* Menyatakan Perasaan dan Sikap
- \* Menyelesaikan/Menyudahkan Kerja

Sedapat mungkin, pengajaran fungsi komunikatif perlu disepadukan dengan pengajaran komponen bahasa atau kemahiran bahasa yang lain. Fungsi komunikatif boleh diterapkan dalam pelajaran berfokus dengan penekanan pada bahan atau struktur tatabahasa tertentu. Sebagai contoh, menggalakkan pelajar bertutur mengenai tugas-tugas seharian mereka yang pasti memerlukan penggunaan beberapa golongan kata seperti kata kerja.

Fungsi komunikatif boleh juga diterapkan dalam aktiviti tertentu dalam **satu urutan rangkaian pelajaran**. Contohnya, aktiviti dalam satu unit mengenai 'Membeli-belah' akan memerlukan pelajar tawar-menawar harga sesuatu barang yang mereka hendak beli. Di sini beberapa fungsi komunikatif yang tersenarai di bawah tajuk **Menjalin Hubungan Sosial dan Mencari Maklumat** sesuai diterapkan.

Dalam mendekati fungsi komunikatif, guru juga digalakkan untuk meningkatkan kepekaan pelajar terhadap penggunaan bahasa dalam konteks sosial atau budaya yang tertentu dan dengan itu, menanam kesedaran budaya yang berkaitan dengan bahasa. Contohnya, penggunaan gaya bahasa **'cakap terbalik'**, kata-kata **"Jangan balik sekali kan bagus !"** untuk maksud **"Jangan diulang perbuatan itu"**.

## **SPEKTRUM KEMAHIRAN**

### **A KOMUNIKASI DAN PERKEMBANGAN BAHASA**

#### **A.1 Kemahiran Berkomunikasi**

##### **Komunikasi Lisan**

##### ***Fokus Kepada Pendengaran***

- 1 Membezakan sistem bunyi Bahasa Melayu dan menyebut perkataan-perkataan dalam sebutan baku Bahasa Melayu termasuk:
  - 1.1 kata Jati Bahasa Melayu:
    - huruf-huruf vokal: seperti, a, e, i, o, u
    - huruf-huruf konsonan: seperti r, k, t
    - gabungan huruf konsonan, seperti ng, ny, gh, kh, sy.
  - 1.2 kata Serapan daripada Bahasa Inggeris, seperti unit, agensi
  - 1.3 kata Serapan daripada Bahasa Arab:
    - yang sudah menjadi kata umum, seperti alam, bahas
    - yang berupa istilah agama Islam, seperti nikmat, hadis.
- 2 Memahami, menginterpretasi dan menghasilkan pola sebutan atau tingkat nada dalam intonasi yang betul ketika menyampaikan:
  - 2.1 pernyataan - ayat penyata biasa, ayat songsang
  - 2.2 soalan - ayat tanya biasa, ayat tanya songsang
  - 2.3 arahan
  - 2.4 permintaan
  - 2.5 seruan.

<p>3 Mendengar arahan untuk melakukan sesuatu:</p> <p>3.1 mimos, seperti meluahkan perasaan; 'bercerita'</p> <p>3.2 melaksanakan tugas yang mudah, seperti melukis gambar; menyampaikan pesan kepada seseorang</p> <p>3.3 menyelesaikan tugas kompleks yang memerlukan kemahiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengekod atau membina semula maklumat, seperti mengubah laporan kepada ulasan atau sebuah sajak kepada cerita</li> <li>• memindahkan maklumat, seperti menandakan satu laluan di peta berdasarkan penerangan.</li> </ul> <p>4 Mendengar ceramah, dialog, temu ramah, pengumuman, siaran, cerita, untuk menyelesaikan tugas tertentu:</p> <p>4.1 mengenal pasti idea utama</p> <p>4.2 mengingati semula perincian tertentu</p> <p>4.3 menentukan atau membuat inferens (sesuatu perkataan atau ayat ) berdasarkan petunjuk</p> <p>4.4 mengingat semula urutan perkataan dan idea yang mudah</p> <p>4.5 menerangkan hubungan di antara bahagian-bahagian wacana (menggunakan penanda wacana)</p> <p>4.6 memparafrasa atau meringkaskan pesan, cerita atau laporan</p> <p>4.7 memberi tajuk, kesimpulan, cerita susulan yang sesuai</p> <p>4.8 meramal atau menjangka perkembangan atau hasil idea</p> <p>4.9 mengintepretasi dan mengembangkan idea yang diluahkan</p> <p>4.10 mengubah sudut pandangan, mesej, laporan, cerita.</p> <p>5 Mendengar untuk membandingkan laras pertuturan formal dan tak formal, dan memberi respons yang sesuai melalui kesedaran terhadap:</p>	<p>5.1 pilihan perkataan dan ungkapan</p> <p>5.2 tujuan dan audiens sasaran</p> <p>5.3 petunjuk mengenai perasaan hati (mood) atau sikap penutur.</p> <p>6 Mendengar untuk memahami tujuan sebenar sesuatu pertuturan dalam konteks, seperti "Panas betul bilik ini, ya." boleh menggambarkan satu permintaan agar tingkap dibuka.</p> <p>7 Memahami makna dan sikap, niat dan tujuan dalam pertuturan melalui:</p> <p>7.1 ciri-ciri paralinguistik, seperti variasi nada; tekanan pada perkataan; ketinggian dan kelantangan; selingan, jeda, ulangan</p> <p>7.2 bahasa tubuh, seperti air muka, gerak-geri</p> <p>7.3 penanda wacana, seperti walau bagaimanapun, sebaliknya, sebagai contoh, sebagai kesimpulan</p> <p>7.4 pilihan dan penggunaan perkataan.</p> <p>8 Mendengar dengan teliti untuk mengambil nota atau menulis petikan pendek yang diimplakkan dengan kelajuan biasa.</p> <p>9 Mendengar dan memberi respons secara kritis untuk mengecam kelemahan dalam hujah, termasuk:</p> <p>9.1 ulasan atau tindakan yang tiada kena-mengena dengan keadaan sebelumnya, seperti Dia memakai kaca mata. Tentu dia pandai.</p> <p>9.2 anggapan yang palsu*</p> <p>9.3 idea yang kontroversi</p> <p>9.4 bahasa dan teknik memujuk.*</p>
--	--

<b>Fokus Kepada Pertuturan</b>	
<p>10 Memanipulasi dan menggunakan pola tekanan dan irama Bahasa Melayu yang betul supaya difahami, dengan:</p> <p>10.1 memberi tahap tekanan yang betul pada suku-suku kata yang berlainan dalam perkataan-perkataan, seperti perbendaharaan kata, beribu, beribu-ribu</p> <p>10.2 menekankan perkataan yang betul dalam kata majmuk/ayat seperti 'sapu tangan yang kotor itu'</p> <p>10.3 menunjukkan unit-unit keterangan, seperti 'Pisang emas dibawa belayar.'</p> <p>11 Menyebut dengan betul:</p> <p>11.1 Perkataan-perkataan yang sama ejaannya tetapi berbeza maknanya, seperti sepak (tendang) dan sepak (pukul), perang (lawan) dan perang ( warna)</p> <p>11.2 perkataan-perkataan terbitan (berimbuhan), seperti masukkan, beralamatkan, mengilhamkan</p> <p>11.3 perkataan dengan huruf-huruf yang tidak dibunyikan, seperti ayahanda, anakanda, psikologi.</p> <p>12 Bertutur dengan fasih dan terang berserta perasaan dalam pelbagai situasi pertuturan:</p> <p>12.1 bercerita</p> <p>12.2 menerangkan tentang suatu pengalaman, seseorang, sebuah gambar atau suatu pemandangan</p> <p>12.3 memberi ringkasan/penilaian pada laporan, bahan berita,cerita, ceramah, dll</p> <p>12.4 memberikan suatu gambaran perasaan dan tanggapan seseorang</p> <p>12.5 bertanya dan menjawab soalan yang berkaitan dengan pengalaman dan situasi harian.</p>	<p>13 Berucap dengan baik di hadapan para hadirin/khalayak:</p> <p>13.1 ucapan yang disediakan ataupun spontan</p> <p>13.2 mengenai topik am atau khusus</p> <p>13.3 dengan atau tanpa bantuan audio-visual.</p> <p>14 Memberi respons dengan betul dalam aktiviti pendengaran atau interaksi lisan terhadap:</p> <p>14.1 soalan-soalan literal, inferens dan penilaian</p> <p>14.2 ulasan dan kritikan</p> <p>14.3 arahan, petunjuk haluan dan mesej yang diberi secara bersemuka atau melalui telefon.</p> <p>15 Memberi respons secara lisan terhadap suatu perdebatan dengan beberapa cara:</p> <p>15.1 memberi sebab yang meyakinkan</p> <p>15.2 menerangkan atau menghuraikan sesuatu hujah</p> <p>15.3 memparafrasa suatu sudut pandangan</p> <p>15.4 memperbaiki suatu sudut pandangan</p> <p>15.5 memberi contoh yang relevan berdasarkan bukti</p> <p>15.6 menukil dari suatu sumber maklumat</p> <p>15.7 mengenal pasti dan menyanggah hujah yang salah</p> <p>15.8 merumuskan perkara-perkara utama</p> <p>15.9 menggunakan isyarat bukan lisan (non-verbal).</p> <p>16 Memulakan suatu interaksi:</p> <p>16.1 bagaimana memulakan interaksi seperti secara tidak langsung, secara penerangan, secara langsung</p> <p>16.2 bagaimana mengenalkan fakta yang baru, seperti menggunakan isyarat-isyarat lisan atau suara</p> <p>16.3 bagaimana mengenalkan sesuatu topik, seperti menggunakan penerangan, hipotesis, dan soalan.</p>

<p>17 Mengekalkan suatu interaksi:</p> <p>17.1 bagaimana memberi respons, seperti pengakuan, jawapan, setuju, tidak setuju</p> <p>17.2 bagaimana hendak meneruskan, seperti menambah, memberi contoh, menjustifikasi, menilai</p> <p>17.2 bagaimana membuat adaptasi berdasarkan maklum balas, terutama dalam pertengahan interaksi, seperti meluaskan, meninggalkan, merumus semula</p> <p>17.4 bagaimana hendak 'turn-take' (mencelah), seperti menyampuk, mencabar, bertanya, menyesuaikan</p> <p>17.5 bagaimana hendak mengisi waktu, seperti melengahkan masa, berhenti sejenak.</p> <p>18 Mengakhiri suatu interaksi:</p> <p>18.1 bagaimana hendak mengakhiri interaksi, seperti dengan alasan, mengalah, meminta keizinan</p> <p>18.2 bagaimana hendak mengakhiri suatu topik, seperti menggunakan isyarat lisan untuk membuat rumusan.</p> <p>19 Memberi respons yang sesuai dalam keadaan tertentu, termasuk:</p> <p>19.1 memberi respons kepada isyarat lisan (seperti memberi jawapan yang tepat) dan isyarat bukan lisan (seperti memek muka, temuan mata)</p> <p>19.2 menyesuaikan diri dengan keupayaan bahasa pendengar</p> <p>19.3 menyesuaikan diri dengan perbezaan (budaya, agama, sosial) orang lain</p> <p>19.4 menggunakan tatacara telefon yang sesuai.</p>	<p>20 Membaca kuat bahan bertulis (prosa atau puisi) dengan lancar, perasaan dan sebutan yang baik, bagi:</p> <p>20.1 menyampaikan makna sepenuhnya kepada pendengar</p> <p>20.2 memperoleh nikmat</p> <p>20.3 membina keyakinan diri dalam situasi peperiksaan.</p> <p><b>Komunikasi Bertulis</b></p> <p><b><i>Fokus Kepada Pembacaan</i></b></p> <p>21 Membaca senyap dan dengan cara yang dapat dikekalkan:</p> <p>21.1 untuk kenikmatan</p> <p>21.2 untuk mendapat maklumat</p> <p>21.3 untuk menjadikan tabiat sepanjang hayat.</p> <p>22 Membuat ramalan mengenai isi teks dan perkembangan idea menggunakan:</p> <p>22.1 pengetahuan sedia ada</p> <p>22.2 tajuk teks/tajuk berita/keterangan gambar</p> <p>22.3 kosa kata/idea utama</p> <p>22.4 ayat penting</p> <p>22.5 perenggan penuh</p> <p>22.6 bahan bukan teks, seperti gambar, gambar rajah, dll.</p> <p>23 Membaca sepintas lalu (skimming) untuk memperolehi:</p> <p>23.1 intisari sebuah teks</p> <p>23.2 kesan sebuah teks secara am.</p>
--	--

<p>24 Membaca sekali imbas (scanning) untuk mengesan maklumat tertentu mengenai:</p> <p>24.1 sesuatu fakta</p> <p>24.2 lebih dari satu fakta</p> <p>24.3 seluruh topik.</p> <p>25 Memahami cara menyatakan maklumat yang tersirat dalam teks dengan cara:</p> <p>25.1 membuat inferens, seperti mengenai latar, penulis, tujuan penulis, pembaca</p> <p>25.2 mengenal pasti laras dan gaya teks, seperti penggunaan satira, penggunaan rujukan daripada buku-buku*</p> <p>25.3 memahami bahasa kiasan, seperti analogi, peribahasa</p> <p>25.4 memahami fungsi pembaziran pertuturan dalam dialog bertulis.</p> <p>26 Membuat kesimpulan makna perkataan dan frasa yang tidak diketahui melalui:</p> <p>26.1 satu pemahaman terhadap morfologi, seperti penggunaan awalan, akhiran, kata dasar</p> <p>26.2 penggunaan isyarat konteks, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kata seerti/seiras dsb, seperti 'Keangkuhannya membuat saya meluat melihatnya. Dia tidak seharusnya menunjuk-nunjukkan kekayaannya'</li> <li>• perhubungan idea-idea yang logik (sebab dan akibat, perbandingan, kontras, dll), spt 'Pelajar yang rajin lagi pintar itu mendapat keputusan cemerlang'</li> <li>• gabungan perkataan/idea, seperti 'umpan - joran – mata kail - memancing'</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• takrifan, seperti 'Kerajaan Bani Umaiyah bercorak monarki kerana keturunan Umaiyah sahajalah yang boleh mewarisi tampuk pemerintahan'</li> <li>• hiponim, seperti 'Udang galah, udang geragau, udang kara dan udang karang adalah krustasia.'</li> </ul> <p>26.3 isyarat yang pragmatik (menggunakan pengalaman sendiri atau pengetahuan am mengenai dunia), seperti 'Minyak kelapa itu beku kerana terlalu sejuk.'</p> <p>27 Membezakan maksud perkataan berdasarkan konteks, seperti 'Tembaga yang tidak digilap itu kelihatan kusam', bukan 'Tembaga yang tidak dilap itu kelihatan kusam'.</p> <p>28 Memahami dan mengenal konsep kata seerti/seiras termasuk:</p> <p>28.1 perkataan yang sama ertinya, seperti besar/raksasa</p> <p>28.2 perkataan 'neutral' lawan perkataan 'colloquial' (basahan), seperti kanak-kanak/budak-budak</p> <p>28.3 perkataan 'neutral' lawan perkataan 'konotatif, seperti kurus/kedengkik</p> <p>28.4 perkataan untuk situasi tertentu, seperti fatom untuk mengukur dalamnya lautan, dan bukan kaki atau meter.</p> <p>29 Mengenal pasti dan menyatakan makna seiras, seperti 'Halimah mengelamun sendirian; dia sedang dibuai mimpi'.</p> <p>30 Mengenal pasti dan menggunakan perkataan dengan makna menyaling, seperti bawa/ambil, hantar/jemput.</p>
--	--

<p>31 Memahami, mengenal pasti dan menerangkan konsep perkataan berlawanan dengan:</p> <p>31.1 mencari perkataan berlawanan yang sesuai pada sepatah perkataan itu, seperti gemuk/kurus, ketawa/menangis</p> <p>31.2 menerangkan dengan kata pindah (kebalikannya) seperti: 'John memiliki kereta itu. Kereta itu kepunyaan John.' 'Mereka adalah ibu dan bapa mentua saya. Saya adalah anak menantu mereka.'</p> <p>31.3 menggunakan imbuhan untuk membentuk kata berlawanan seperti kepuasan/ketidakpuasan.</p> <p>32 Memperbaiki struktur perkataan bagi membentuk perkataan/ungkapan baru atau yang berkaitan dengan:</p> <p>32.1 menggunakan awalan/akhiran/apitan/kata dasar,</p> <p>32.2 membentuk perkataan majmuk, seperti penyalahgunaan dadah</p> <p>32.3 menggabungkan suku kata dalam beberapa perkataan (akronim) seperti: berdikari, jejantas</p> <p>32.4 perkataan keratan, seperti: tidak = tak, hendak= nak.</p> <p>33 Mentafsirkan perkataan/kiasan dengan menganalisa bahagian-bahagian komponennya, seperti: campur tangan = mencampuri hal orang lain tanpa dijemput.</p> <p>34 Memahami dan menggunakan hubungan kata dengan:</p> <p>34.1 mengenal pasti dan menggolongkan perkataan dalam satu kumpulan leksikal, seperti: dara sunti, perawan, wanita</p>	<p>34.2 membezakan perkataan berpasang dalam kumpulan leksikal (sejenis), seperti ustaz/ustazah</p> <p>34.3 menentukan ciri semantik yang asas (atau elemen yang umum) pada perkataan yang tergolong dalam kumpulan leksikal (sejenis), seperti: 'kunyah, suap, mamah, telan = makan'</p> <p>34.4 mengenal pasti dan menggunakan perkataan yang seiring dan mengukuhkan pengertian, seperti: sudu garfu, kain baju, tidur baring, bersih lagi suci</p> <p>34.5 menggunakan perkataan yang selalunya bersama atau berkolokasi seperti: terang bulan, riang ria.</p> <p>35 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan konsep hirarki perkataan dengan:</p> <p>35.1 menggolongkan perkataan di bawah kata utama, seperti kereta, lori, sampan, kolek, = kenderaan</p> <p>35.2 mengenal pasti dan menggunakan perkataan berpandukan pada darjah keperinciannya atau sifat umumnya, seperti kamus = khusus, buku = umum</p> <p>35.3 menggunakan perkataan berpandukan pada saiz, intensiti atau hirarki, seperti: lembab - basah - kuyup, seni - halus - kecil- besar</p> <p>35.4 menggunakan perkataan yang khusus menunjukkan gaya/cara sesuatu dilakukan, seperti: bawa, galas, pikul, kelek = angkat.</p> <p>36 Memahami dan menyatakan hubungan antara bahagian-bahagian wacana (lisan atau bertulis) dengan menggunakan:</p> <p>36.1 penanda wacana:</p>
--	---

<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk mengenalkan idea, seperti pertama, kedua</li> <li>• untuk mengembangkan suatu idea dengan menambahkan fakta, memberi contoh, seperti lagipun, misalnya</li> <li>• untuk beralih kepada idea lain, seperti sebaliknya, berbanding dengan</li> <li>• untuk merumuskan satu idea, seperti sebagai kesimpulan, secara keseluruhan</li> <li>• untuk menegaskan kepentingan suatu fakta, seperti sebenarnya, sepatutnya</li> <li>• untuk menerangkan atau menjelaskan suatu fakta yang sudah dikemukakan, seperti dengan kata lain</li> <li>• untuk bertindak awal terhadap suatu bidasan atau pandangan yang berbeza, seperti walaupun, sungguhpun.</li> </ul> <p>36.2 rujukan (penggunaan kata ganti nama dll) seperti</p> <p>36.3 perbandingan, seperti 'Dia tidak sebijak Dr Einstein.'</p> <p>36.4 pergantian, seperti 'Awak suka kereta ini?' Tidak, saya suka yang baru.'</p> <p>36.5 elipsis (pengulangan), seperti 'Rumah Lina tidak berapa cantik tetapi ( rumah Lina) bersih.'</p> <p>37 Memahami cara untuk menyatakan, mentafsirkan atau membentuk semula maklumat dalam bentuk:</p> <p>37.1 parafrasa</p> <p>37.2 garis kasar</p> <p>37.3 ringkasan</p> <p>37.4 carta, rajah, gambar, jadual dan lain-lain.</p>	<p>38 Mengeluarkan fakta utama dalam suatu wacana dengan:</p> <p>38.1 mengenal pasti ayat topik</p> <p>38.2 memilih konsep/idea utama</p> <p>38.3 membezakan idea utama daripada perincian mengenainya dengan memilih:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• unsur yang penting dari yang kurang penting</li> <li>• keseluruhan dari bahagian-bahagiannya</li> <li>• suatu proses dari tahap-tahap perkembangannya</li> <li>• suatu generalisasi (pengitlakan) dari contoh-contoh khusus.</li> </ul> <p>39 Membaca cereka, surat khabar, majalah dan bahan iklan secara kritis untuk:</p> <p>39.1 mengenal pasti dan membezakan anantara maksud tersurat dengan maksud tersirat dalam teks</p> <p>39.2 mempertimbangkan nilai dan mutu maklumat dan penulisan</p> <p>39.3 memikirkan secara konstruktif dan positif tentang nilai pemikiran dan idea yang dikemukakan.</p> <p>40 Mengenal pasti dan memahami maksud dan penggunaan bahasa kiasan dan bahasa berirama termasuk:</p> <p>40.1 kata majmuk, seperti muka baru</p> <p>40.2 kiasan, seperti gelombang hidup</p> <p>40.3 kata kerja yang mengandungi lebih daripada satu perkataan, seperti bangkit menentang; memandang rendah</p> <p>40.4 analogi, seperti 'Restoran makanan segera mercup di mana-mana seperti cendawan tumbuh selepas hujan.'</p>
--	---

<p>40.5 personifikasi (perorangan), seperti 'Api kebakaran itu menjilat-jilat bangunan tiga tingkat itu.'</p> <p>40.6 perumpamaan, seperti 'Seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul'</p> <p>40.7 metafora, seperti 'Umar Mokhtar dianggap sebagai singa padang pasir.*</p> <p>40.8 kata-kata sindiran/ironi, iaitu seperti 'Budak bertuah ini, tak habis-habis menakal.' Penggunaan bahasa yang maksud sebenarnya lebih kurang berlawanan (terbalik) dengan maksud asalnya</p> <p>40.9 bahasa halus untuk sesuatu yang kurang baik (euphemisme), seperti: cacat pendengaran= pekak, meninggal dunia=mati</p> <p>40.10 ungkapan berlebihan (hyperbole), kenyataan yang kurang benar, paradoks, ulangan yang tidak perlu (tautologi), tulisan ejekan (parodi), dll, seperti 'Bas itu memuntahkan penumpangnya' , 'Halim memanjatkan doa ke hadrat Illahi'.*</p>	<p>41.8 menggunakan teknik kajian bahan daripada perpustakaan</p> <p>41.9 menonton filem, video, slaid, Internet dsb.</p> <p>42 Merancang dan menyusun maklumat untuk pelbagai 'genre' penulisan (seperti deskriptif, naratif, imaginatif, argumentatif, ekspositori) dan penulisan fungsional (seperti nota, pesanan, surat, notis, laporan, arahan) sesuai dengan:</p> <p>42.1 format</p> <p>42.2 kebiasaan</p> <p>42.3 gaya / laras bahasa</p> <p>42.4 panjang</p> <p>42.5 nada.</p> <p>43 Menyusun sebuah karangan yang:</p> <p>43.1 mempunyai pengenalan, isi dan rumusan</p> <p>43.2 perenggan yang sesuai</p> <p>43.3 susunan idea yang logik</p> <p>43.4 menggunakan pola retorik yang sesuai, seperti: sebab dan akibat, perbezaan dan kontras, ilustrasi, amplifikasi.</p>
<p><b>Fokus Kepada Penulisan</b></p> <p>41 Mengumpulkan idea untuk tugas penulisan melalui:</p> <p>41.1 sumbang saran untuk mendapat idea mengenai sesuatu tajuk</p> <p>41.2 menulis secara bebas</p> <p>41.3 bertanya soalan yang relevan</p> <p>41.4 meringkaskan / mengumpulkan pelbagai idea</p> <p>41.5 menghubungkan idea-idea secara bebas</p> <p>41.6 mengadakan wawancara</p> <p>41.7 menjalankan soal selidik / tinjauan</p>	<p>44 Menggunakan kriteria yang terdapat di Butiran 43 untuk melakar surat rasmi dan surat tidak rasmi bagi:</p> <p>44.1 berterima kasih kepada seseorang kerana budi, khidmat, dll.</p> <p>44.2 mengucapkan tahniah/takziah kepada seseorang</p> <p>44.3 menyatakan pandangan atau pendapat melalui akhbar</p> <p>44.4 membuat aduan</p> <p>44.5 menjemput seseorang untuk sesuatu majlis</p> <p>44.6 memohon maaf dan lain-lain.</p>

<p>45 Membuat laporan berdasarkan wawancara atau bahan yang dibaca dari akhbar atau majalah.</p> <p>46 Meluahkan idea atau fikiran secara imaginatif atau kreatif melalui:</p> <p>46.1 • puisi, bahasa berirama</p> <p>46.2 • karangan, surat</p> <p>46.3 • sketsa, lakonan pendek</p> <p>46.4 • cerpen, dialog.</p> <p>47 Menyemak semula dan menyunting sebuah karangan termasuk:</p> <p>47.1 Memeriksa kandungannya di segi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kesatuan idea: perkembangan dan kesinambungannya</li> <li>• fokus: tidak keluar dari tajuk</li> <li>• relevan: sesuai dengan tajuk</li> <li>• kepadatan: isi yang cukup</li> <li>• nilai: kualiti pemikiran atau pengalaman.</li> </ul> <p>47.2 Memperbaiki struktur perenggan, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• perkembangan: menyokong pendapat dengan contoh, huraian, dll</li> <li>• kesatuan: menggunakan perkataan dan frasa yang berhubung kait.</li> </ul> <p>47.3 Memperbaiki kejelasan hasil penulisan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mencantumkan/menerapkan idea-idea</li> <li>• meluaskan atau menambahkan perincian</li> <li>• mengubah semula ayat-ayat</li> <li>• menyusun semula ayat-ayat</li> <li>• memotong perkataan dan ayat yang tidak berkesan</li> <li>• menggantikan perkataan, frasa dan ayat yang tertentu.</li> </ul>	<p>47.4 Menghasilkan penulisan yang lebih baik gaya wacananya dengan menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• laras bahasa yang sesuai untuk mengetengahkan maksud penulis bersesuaian dengan latar dan audiens</li> <li>• ayat-ayat yang berbeza dari segi panjang dan jenisnya</li> <li>• bahasa kiasan untuk mencetuskan kesan tertentu</li> <li>• tukilan, 'punchline' (bahagian yang lucu) dan teknik imbas balik di mana sesuai</li> <li>• kosa kata yang paling sesuai untuk sesuatu konteks</li> <li>• jenis teks (genre) yang sesuai.</li> </ul> <p>48 Menyemak kembali (membaca prof) sesuatu karangan di segi:</p> <p>48.1 ejaan</p> <p>48.2 tanda baca</p> <p>48.3 tatabahasa.</p> <p>49 Menulis ringkasan berdasarkan:</p> <p>49.1 idea utama daripada teks</p> <p>49.2 sebahagian daripada teks (berdasarkan arahan)</p> <p>49.3 keseluruhan teks (fakta-fakta utamanya).</p> <p>50 Memudahkan fakta-fakta relevan daripada teks dengan:</p> <p>50.1 mencantumkan maklumat yang berkaitan</p> <p>50.2 menyusun semula butiran-butiran yang berbeza</p> <p>50.3 memotong pengulangan perkataan, perincian dan penyimpangan</p>
--	--

<p>50.4 memendekkan atau memadatkan ayat, frasa atau contoh</p> <p>50.5 membuat pengitlakan di mana perlu.</p> <p>51 Menyusun semula maklumat:</p> <p>51.1 dari pelbagai bahan rangsangan audio/visual untuk tujuan tertentu, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menukarkan bahan kartun kepada sebuah cerita</li> <li>• menulis dialog bagi gambar-gambar bersiri</li> <li>• membuat laporan dari ulasan/komentar</li> <li>• mencatatkan nota ketika berbincang atau bermesyuarat.</li> </ul> <p>51.2 menggunakan bahasa dalam pelbagai bentuk, struktur atau perspektif, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bentuk aktif/pasif</li> <li>• bentuk cakap asal kepada cakap pindah</li> <li>• 'genre' yang berlainan, seperti dari bentuk ekspositori ke bentuk naratif</li> <li>• sudut pandangan yang berlainan, seperti 'sudut pandangan seekor binatang buruan' sebagai ganti 'si pemburu'.</li> </ul> <p>52 Menulis untuk memenuhi kehendak peperiksaan, termasuk:</p> <p>52.1 memilih tajuk yang sesuai</p> <p>52.2 mentafsir dengan betul tajuk atau soalan karangan</p> <p>52.3 memastikan skop/kehendak tajuk</p> <p>52.4 menggunakan kebiasaan, format atau 'genre' yang sesuai</p> <p>52.5 menulis secara padu dan bertalian</p> <p>52.6 menulis berdasarkan panjang karangan yang ditentukan dan dalam jangka masa yang dihadkan.</p>	<p><b>A.2 Pengetahuan Bahasa</b></p> <p>1 Mengenal pasti golongan kata dan memahami fungsinya untuk membincangkan penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks.</p> <p>2 Memahami tujuan dan kegunaan tanda baca dalam bahasa tulisan.</p> <p>3 Mengetahui dan menggunakan sistem ejaan yang betul.</p> <p>4 Memahami dan menggunakan ungkapan yang tepat bagi menyampaikan konsep-konsep berikut, terutama sekali:</p> <p>4.1 bilangan dan jumlah</p> <p>4.2 kepastian atau ketidakpastian</p> <p>4.3 perbandingan; darjah</p> <p>4.4 masa</p> <p>4.5 tempat; arah</p> <p>4.6 alat; agen (perantara)</p> <p>4.7 sebab; keputusan; tujuan; alasan; keadaan; perbandingan</p> <p>4.8 keabstrakan (kemujaradan); kekonkritan (kemaujudan).</p> <p>5 Memahami dan menggunakan ciri-ciri ayat untuk:</p> <p>5.1 membina ayat yang mudah, seperti soalan, kenyataan, arahan</p> <p>5.2 membina ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan</p> <p>5.3 mencapai kesan yang tertentu, seperti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penekanan retorik (Bayi ini comel, kan?)</li> <li>• penonjolan maklumat (Amboi cantiknya! Belum pernah saya lihat bangunan seindah ini!).</li> </ul>
--	---

<p>6 Mengecam dan memahami tentang penanda wacana dan tugasnya dalam memajukan paduan teks.</p> <p>7 Mengetahui istilah-istilah, seperti 'imbuhan', 'klise', 'kiasan' bagi membincangkan penggunaan Bahasa Melayu, khususnya ketika menilai karangan rakan sebaya.</p> <p>8 Menyedari tentang kelainan dalam penggunaan bahasa (tujuan dan situasi penggunaannya), termasuk:</p> <p>8.1 laras bahasa formal dan tidak formal, seperti isteri/bini</p> <p>8.2 kata neutral dan beremosi, seperti mati/mampus</p> <p>8.3 ungkapan sastera dan bukan sastera, seperti dibuai mimpi/khayal</p> <p>8.4 *bahasa klasik, seperti 'tuan hamba ' bagi 'awak '*</p> <p>8.5 *bahasa untuk memberi kesan tertentu, seperti makna terbalik, ungkapan yang berlebih-lebihan (hyperbole)*</p> <p>8.6 *bahasa iklan / jurnalistik, seperti 'sedap hingga menjilat jari', ' dipetik sebagai berkata'.</p> <p>9 Mengecam dan memahami bahawa pengucapan:</p> <p>9.1 memperlihatkan (mengandungi) pembaziran seperti hentian, ulangan, selingan, dll</p> <p>9.2 menggunakan kata-kata singkatan (seperti tak, nak) dan fragmen, ayat</p> <p>9.3 menggunakan ciri-ciri seperti nada, kekuatan, ketinggian dan tekanan suara untuk menyampaikan maksud.</p>	<p>10 Mengenal pasti pelbagai mesej yang disampaikan melalui bahasa tubuh atau mentafsirkan penggunaan bahasa tubuh.</p> <p>11 Membuat pemerhatian tentang bagaimana Bahasa Melayu Baku berbeza daripada dialek-dialek Melayu yang lain atau Bahasa Indonesia, seperti dalam:</p> <p>11.1 ejaan, seperti kerana (Bahasa Melayu) karena (Bahasa Indonesia)</p> <p>11.2 sebutan, seperti air (Bahasa Melayu baku) ayak (dialek Utara Semenanjung Malaysia)</p> <p>11.3 kosa kata, seperti bilik (Bahasa Melayu baku) kamar (Bahasa Indonesia)</p> <p>11.4 susunan perkataan, seperti goreng pisang atau pisang goreng</p> <p>11.5 penggunaan, seperti mengancam yang diberi pengertian baru.</p> <p>12 Memahami kaedah pemerenggan, seperti indentasi (ruang kosong) pada permulaan perenggan atau ucapan watak dalam dialog.</p> <p>13 Menyedari tentang asal-usul perkataan/ungkapan dan juga yang telah diterima secara meluas untuk mendapatkan perubahan dalam penggunaan bahasa, termasuk:</p> <p>13.1 kata pinjaman, seperti boikot, sari, wajib</p> <p>13.2 istilah ke Singapura, seperti bas tabung, kolong flat</p> <p>13.3 kata baru (neologisme), seperti disket, siber, perisian, tegar</p> <p>13.4 akronim, seperti berdikari, pawagam, MRT</p> <p>13.5 kata yang dipengaruhi subbudaya, seperti mak pak, cun</p> <p>13.6 penggunaan yang diterima, seperti format surat rasmi yang tidak menggunakan tanda koma bagi alamat dan penutup.</p>
--	---

<b>B KEMAHIRAN BERFIKIR</b>	
<p>1 Menjana idea dan makna baru dengan:</p> <p>1.1 menanggukkan pertimbangan ke atas idea atau kenyataan yang tidak munasabah /realistik</p> <p>1.2 menggunakan suatu idea atau objek secara rambang sebagai batu loncatan untuk mendapatkan idea atau pemikiran baru</p> <p>1.3 menggabungkan idea-idea atau objek-objek yang berbeza atau tidak berkaitan menjadi idea baru</p> <p>1.4 mencabar konsep-konsep tradisional atau pemikiran lama</p> <p>1.5 meluaskan/mengembangkan sesuatu idea</p> <p>1.6 menerbitkan seberapa banyak idea yang boleh</p> <p>1.7 menerbitkan idea-idea yang asli/istimewa</p> <p>1.8 melihat atau meninjau sesuatu perkara/masalah/situasi/ dari sudut yang lain/berbeza dan bukan mengikut peraturan/situasi</p> <p>1.9 membuat kesimpulan secara induksi dan deduksi.</p> <p>2 Menganalisis dan menilai untuk tujuan tertentu dengan:</p> <p>2.1 memilih, mengasingkan, menyusun ikut urutan, mengatur serta mengelaskan maklumat atau data mengikut situasi atau masalah</p> <p>2.2 mengenal pasti sifat dan komponen sesuatu perkara/idea dan hubungan komponen-komponen tersebut</p> <p>2.3 mengenal pasti masalah dan mentakrifkannya</p> <p>2.4 mengubah pandangan atau sikap dengan adanya fakta-fakta baru</p> <p>2.5 membuat inferens terhadap maklumat</p>	<p>2.6 mentafsirkan data dengan tepat dan objektif</p> <p>2.7 mengenal pasti kelemahan dalam sesuatu perkara</p> <p>2.8 mewujudkan dan menetapkan kriteria</p> <p>2.9 menentusahkan sesuatu perkara/maklumat dengan fakta-fakta atau hujah-hujah yang munasabah</p> <p>2.10 menilai kesan daripada cara/tindakan yang diambil</p> <p>2.11 membezakan fakta dengan pendapat</p> <p>2.12 membuat kesimpulan yang bijak berdasarkan bukti-bukti yang ada</p> <p>2.13 menentukan idea/rancangan penyelesaian yang terbaik bagi mencapai objektif atau memenuhi keperluan situasi</p> <p>2.14 mengenal pasti perbezaan nilai yang tersirat dalam sikap dan pemikiran orang lain</p> <p>2.15 membezakan antara nilai dan sikap yang positif atau negatif.</p> <p>3 Mengumpul maklumat untuk tujuan melaksanakan sesuatu tugas dengan:</p> <p>3.1 menetapkan matlamat jangka pendek dan jangka panjang</p> <p>3.2 mengaitkan idea-idea yang berlainan atau berbeza</p> <p>3.3 bersikap terbuka terhadap maklum balas</p> <p>3.4 memperoleh maklumat daripada orang-orang yang terlibat ( sudut pandangan )</p> <p>3.5 mengekod maklumat ( menyimpan maklumat dalam ingatan dalam jangka panjang )</p> <p>3.6 merancang dengan teliti untuk mencapai matlamat yang ditetapkan</p> <p>3.7 mengenal pasti dan menyedari sumber yang diperlukan</p> <p>3.8 mencari sumber-sumber alternatif jika sumber-sumber yang utama tidak diperoleh.</p>

<p><b>C BAHASA DAN BUDAYA</b></p> <p>1 Mengetahui bahawa Bahasa Melayu mencerminkan kebudayaan dan cara pengucapan para penggunanya yang datang dari pelbagai negara dan daerah serta menyesuaikan dalam komunikasi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 penggunaan bahasa daerah</li> <li>1.2 penukaran/pencampuran kod dalam pengucapan, seperti kebiasaan penduduk Singapura mencampuradukkan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam perbualan informal mereka</li> <li>1.3 memahami amalan-amalan budaya yang beraneka, seperti budaya Melayu Singapura, budaya Melayu Malaysia, budaya Melayu Brunei, dan budaya Indonesia.</li> </ul> <p>2 Memahami kekayaan sejarah dan budaya serta konotasi di sebalik perkataan dan pengucapan dalam bahasa dan menggunakan pengetahuan ini dalam komunikasi, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1 peribahasa, seperti ' bagai aur dengan tebing '</li> <li>2.2 kata pinjaman, seperti tauke, komputer, almari</li> <li>2.3 bahasa klasik, seperti tuan hamba, patik, kalakian.</li> </ul> <p>3 Memahami bahawa para pengguna Bahasa Melayu di negara-negara lain menggunakan perkataan, ungkapan, ejaan atau sebutan yang berlainan bagi perkataan yang mempunyai makna yang seerti/seiras, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1 bilik (Singapura), kamar (Indonesia)</li> <li>3.2 mengawasi (Singapura), memata-matai (Brunei)</li> <li>3.3 kerana (Singapura), karena (Indonesia)</li> <li>3.4 perang- disebut perang(Singapura), parang(Brunei).</li> </ul>	<p>4 Meneliti secara kritis percakapan atau tulisan dalam Bahasa Melayu yang menggambarkan kepercayaan, sikap dan nilai seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>4.1 menghargai bahawa sesuatu nilai dan kepercayaan itu diterima oleh sesuatu budaya dan kaum itu walaupun ia mungkin bercanggah dengan norma-norma biasa</li> <li>4.2 menyemak atau menilai semula nilai atau kepercayaan seseorang sehubungan dengan nilai dan kepercayaan seorang penulis, pemidato, watak dalam cerita dan lain-lain.</li> <li>4.3 menilai sejauh mana bahasa dan pandangan dunia yang digambarkannya dipengaruhi atau ditentukan oleh budaya penggunanya.</li> </ul> <p><b>SENARAI FUNGSI KOMUNIKATIF</b></p> <p><b>1 Menjalinkan Hubungan Sosial</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 Memanggil seseorang itu bersesuaian dengan umur, jantina, status, dll</li> <li>1.2 Menyapa seseorang dan beramah mesra</li> <li>1.3 Memperkenalkan seseorang dan memberi reaksi yang sepatutnya apabila diperkenalkan</li> <li>1.4 Menyampaikan ucap selamat</li> <li>1.5 Mengucapkan tahniah/takziah</li> <li>1.6 Berterima kasih</li> <li>1.7 Bertanya tentang kesihatan/hal peribadi</li> <li>1.8 Menjemput, menerima dan menolak undangan atau tawaran</li> <li>1.9 Bermohon diri</li> </ul>
---	--

<p><b>2 Menyampaikan dan Mencari Maklumat</b></p> <p>2.1 Mengenal pasti seseorang, tempat, benda, dll</p> <p>2.2 Bertanya dan bercakap tentang perkara-perkara biasa</p> <p>2.3 Membuat laporan (termasuk menerangkan, membandingkan dan menceritakan)</p> <p>2.4 Bertanya dan menyuarakan pandangan</p> <p>2.5 Bertanya dan meminta penjelasan/pengulangan</p> <p>2.6 Bersetuju atau tidak bersetuju</p> <p>2.7 Membahaskan sesuatu perkara (seperti mengemukakan bantahan, menyatakan keraguan)</p> <p>2.8 Bertanya tentang sesuatu dan meluahkan rasa suka, benci atau menyatakan pilihan</p> <p>2.9 Memberi cadangan atau nasihat</p> <p>2.10 Membuat tekaan (spekulasi)</p> <p>2.11 Bertanya dan menyatakan keperluan</p> <p>2.12 Bertanya dan menyatakan cita-cita/aspirasi</p> <p>2.13 Bertanya dan menyatakan niat</p> <p>2.14 Bertanya dan menyatakan kebolehan/tidak berkebolehan</p> <p>2.15 Bertanya dan menyatakan kewajipan</p> <p>2.16 Mencari kepastian</p> <p>2.17 Menyatakan kemungkinan/ketidakmungkinan</p> <p>2.18 Menyatakan kesimpulan yang logik</p> <p>2.19 Menyatakan kebolehamalan</p> <p>2.20 Menyatakan ketidakfahaman</p>	<p>3.3 Menyatakan minat/tidak berminat/kebosanan</p> <p>3.4 Menyatakan penyesalan/kegembiraan</p> <p>3.5 Menyatakan kehendak/hasrat/kegemaran/kecenderungan</p> <p>3.6 Menyatakan pujian atau galakan (dorongan)</p> <p>3.7 Menyatakan penghargaan dan rasa terima kasih</p> <p>3.8 Menyatakan persahabatan/keikhlasan</p> <p>3.9 Menyatakan harapan dan impian</p> <p>3.10 Menyatakan kekejaman</p> <p>3.11 Menyatakan simpati/empati/penenangan/takziah/belas kasihan</p> <p>3.12 Menyatakan sokongan atau perpaduan</p> <p>3.13 Menyatakan keraguan/ketidakpercayaan</p> <p>3.14 Menyatakan kepuasan/ketidakpuasan</p> <p>3.15 Menyatakan kekesalan/kemaafan</p> <p>3.16 Menyatakan kekejaman/penderitaan/kekecewaan</p> <p>3.17 Menyatakan keredaan</p> <p>3.18 Menyatakan ketakutan/kegerunan</p> <p>3.19 Menyatakan kebimbangan/kerisauan</p> <p>3.20 Menyatakan kemarahan/rasa meluat</p> <p>3.21 Menyatakan rasa terhibur</p> <p>3.22 Menyatakan cemuhan/sindiran/kritikan</p> <p>3.23 Menyatakan rendah diri/rendah hati</p> <p>3.24 Menyatakan kelucuan</p> <p>3.25 Menyatakan desakan</p> <p>3.26 Menyatakan kewajipan</p> <p>3.27 Menyatakan larangan</p> <p>3.28 Menyatakan pengesahan/penafian</p> <p>3.29 Menyatakan intuisi (gerak hati)</p> <p>3.30 Menyatakan kesepian</p> <p>3.31 Menyatakan keyakinan</p> <p>3.32 Menyatakan kebanggaan/kesetiaan/kesetiaanegaraan</p>
<p><b>3 Menyatakan Perasaan dan Sikap</b></p> <p>3.1 Menyatakan rasa cinta/kasih sayang/kagum</p> <p>3.2. Menyatakan persetujuan dan ketidaksetujuan (termasuk aduan)</p>	

#### **4 Menyelesaikan Kerja**

- 4.1 Menawarkan dan meminta bantuan/nasihat
- 4.2 Memberi keizinan
- 4.3 Mencadangkan pendapat/tindakan
- 4.4 Membuat rancangan/persediaan
- 4.5 Memberi arahan kepada orang lain
- 4.6 Memberi nasihat kepada orang lain
- 4.7 Memberi amaran (seperti melarang melakukan sesuatu)
- 4.8 Memujuk/meyakinkan orang untuk melakukan sesuatu
- 4.9 Mengingatkan orang tentang kerja, janji, dll.

## PENGAJARAN TATABAHASA

Tatabahasa adalah kajian penggunaan bahasa yang baik. Tatabahasa mengkaji bentuk morfologi dan sintaksis. Dengan kata lain, tatabahasa mengkaji bagaimana perkataan-perkataan dibentuk dan bagaimana perkataan-perkataan itu disusun supaya menjadi ayat. Penggunaan tatabahasa yang baik akan menghasilkan komunikasi yang lebih berkesan.

Daripada keterangan di atas, jelaslah bahawa Bahasa Melayu yang diutamakan dalam pendidikan di sekolah ialah Bahasa Melayu yang gramatis; yakni bahasa yang sempurna di segi bentuk dan maknanya.

Sesuai dengan pelaksanaan tiga inisiatif nasional iaitu Pendidikan Nasional, pengajaran Kemahiran Berfikir dan penggunaan Teknologi Maklumat, kandungan sukatan pelajaran yang berkaitan dengan tatabahasa telah dikurangkan. Komponen tatabahasa seperti golongan kata yang mudah bagi sesuatu peringkat telah ditiadakan.

Tatabahasa tidak seharusnya diajar dengan cara guru menyuruh para pelajar menghafaz kelas kata, fungsi imbuhan dan sebagainya. Sukatan pelajaran ini menganjurkan agar pengajaran tatabahasa dijalankan berlandaskan prinsip-prinsip berikut sesuai dengan pendekatan yang menjadi pegangan:

- pelajar belajar melalui bahasa dan belajar mengenai bahasa dengan cara menggunakan bahasa itu. Pengajaran tatabahasa seharusnya bersifat 'penerokaan' iaitu memberi peluang kepada pelajar untuk membuat atau melakukan berbagai-bagai latihan yang kreatif. Dengan cara yang demikian, pelajar akan dapat memahami bagaimana perkataan-perkataan boleh disusun dengan beberapa cara untuk menyampaikan maksud
- tatabahasa juga perlu dipelajari dalam sesuatu konteks yang bermakna dan dapat difahami oleh pelajar-pelajar. Dengan cara yang demikian, para pelajar akan dapat mengetahui bagaimana perkataan dan ayat digunakan dalam pelbagai situasi
- aktiviti pembelajaran yang menarik perlu dirancang dengan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada tatabahasa. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan harus memberi peluang kepada pelajar menggunakan tatabahasa yang betul; baik bagi aktiviti yang bercorak lisan mahupun tulisan
- aspek tatabahasa perlu dipentingkan dalam pengajaran karangan, terutamanya dalam kegiatan yang melibatkan para pelajar menyemak/menyunting kerja rakan sebaya. Dalam konteks ini, unsur-unsur tatabahasa perlu diberi penekanan selain unsur-unsur leksikal, mekanis dan sebagainya.

# GOLONGAN KATA

## A KATA LEKSIKAL

### 1 Kata Kerja

#### 1.1 Kata Kerja Transitif

- Aktif

- a) Orang ramai menghulurkan bantuan kepada mangsa gempa bumi di Turki.
- b) Pembinaan terowong itu memendekkan perjalanan dari desa ke kota.
- c) Penduduk di kampung itu mencuci pakaian di sungai.

- Pasif

- a) Tanggungjawab sesama jiran tidak diabaikan oleh penduduk di kawasan itu.
- b) Tidak tertelan olehnya ubat yang sepahit itu.
- c) Barang-barang buangan itu diproses semula oleh syarikat pembuat tin minuman.

#### 1.2 Kata Kerja Tak transitif

- Berpelengkap

- a) Keadaan ayah Sudin beransur pulih.
- b) Dalam pengembaraan itu mereka tidur berbantalkan lengan.
- c) Suasana dalam majlis perbincangan itu menjadi semakin tegang.

- Tanpa Pelengkap

- a) Gadis comel itu sedang bersenam.
- b) Buah rambutan di pokok itu sedang menguning.
- c) Mereka sekeluarga berehat di bawah pohon rendang.

### 2 Kata Adjektif

- a) Dia menjalani liku-liku hidupnya dengan tabah. ( sifatan/keadaan )
- b) Hamidah sangat gemar memakai baju sutera berwarna jingga. ( warna )
- c) Mereka terpaksa membatalkan acara itu kerana waktu amat suntut. ( waktu )
- d) Tempat kejadian itu berlaku dekat dengan sekolah kami. ( jarak )
- e) Adik gembira sekali dengan permainan itu. ( perasaan )

### 3 Kata Bilangan

#### 3.1 Kata Bilangan Tentu

- a) Penduduk negeri itu dijangka mencapai sepuluh juta orang.
- b) Basikal itu dibeli dengan harga sembilan ratus dolar.
- c) Hampir enam puluh orang terkorban dalam runtuhannya bangunan itu.

#### 3.2 Kata Bilangan Tak tentu

- a) Beberapa orang sahaja yang mengikuti perbincangan itu.
- b) Semua pelajar berkumpul di padang sekolah.
- c) Projek itu melibatkan para cendekiawan setempat.

## B KATA TUGAS

### 1 Kata Sendi Nama

- a) Wajahnya jelita umpama ratu dunia.
- b) Kami berusaha demi masa depan.
- c) Pastikanlah agar anak-anak kita tidak terdedah kepada gejala buruk itu.

### 2 Kata Hubung

#### 2.1 Kata Hubung Gabungan – seperti *dan, lalu, malahan, atau, serta, tetapi, sambil, kemudian.*

- a) Ibu memeluk adik yang sedang menangis serta mengusap-usap kepalanya.
- b) Barang-barang dalam lori itu dipunggah kemudian dibawa ke gudang.
- c) Usahawan muda itu bukan sahaja dikenali ramai malahan disegani oleh segolongan masyarakat kerana mulia pekertinya.

#### 2.2 Kata Hubung Pancangan – seperti *yang, bahawa, untuk, kerana, sekiranya, jika, hingga, apabila.*

- a) Meskipun sudah mendapat ijazah, dia masih terus menambah ilmunya.
- b) Universiti ini mengeluarkan siswazah yang cukup terlatih.
- c) Mereka rela berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir.

### 3 Kata Bantu

3.1 Kata bantu aspek – menimbulkan suasana perbezaan masa seperti: *telah, sudah, pernah, sedang, masih, akan, belum*

- a) Semua penduduk di situ telah berpindah ke kawasan yang lebih selamat.
- b) Jawatankuasa kerja masih menunggu jawapan daripada pihak atasan.
- c) Pelajar-pelajar akan diperkenalkan dengan sistem penilaian yang baru.

3.2 Kata bantu ragam – menyatakan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan seperti: *mahu, hendak, harus, mesti, boleh, dapat.*

- a) Pemeriksaan kesihatan harus dilakukan secara kerap untuk mengesan penyakit.
- b) Ramai pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.
- c) Semua ibu bapa mahu anaknya menjadi manusia berguna.

### 4 Kata Penegas

- menegaskan frasa predikat yang mengalami pendepanan seperti: *-kah, -tah, -lah*
- menegaskan kedua-dua bahagian ayat seperti *juga, jua, pun, sahaja, memang dan lagi.*

- a) Itulah orang yang kucari selama ini.
- b) Siapakah pemimpin pasukan ini?
- c) Hanya mereka yang layak sahaja dibenarkan mengikuti kursus itu.

# PEMBENTUKAN KATA

## 1 Pengimbuhan

	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif
1.1 Awalan	peN- pe- peR- ke- juru-	meN- beR- teR- di- mempeR- dipeR-	ter- se-
1.2 Akhiran	-an -wan -wati -man	-kan -i	
1.3 Apitan	peN-...-an pe-...-an peR-...-an ke-...-an	meN-...-kan beR-...-kan beR-...-an di-...-kan meN-...-i di-...-i mempeR-...-kan mempeR-...-i ke-...-an dipeR-...-kan dipeR-...-i	ke-...-an
1.4 Sisipan	-el- -er- -em-	-el- -er- -em-	-el- -er- -em- -in-

## 2 Penggandaan

### 2.1 Penggandaan Penuh/Sempurna

- a) Pemain-pemain ragbi dari New Zealand telah tiba pada petang semalam.
- b) Rombongan itu telah menjelajahi pulau-pulau di perairan Pasifik.
- c) Bunga-bunga di taman itu cantik-cantik belaka.

### 2.2 Penggandaan Separa/ Berimbuhan

- a) Lipas menggunakan sesungguhnya sebagai alat perasa.
- b) Ibu menyapu dedaun yang berselerak di halaman rumah kami.
- c) Sifat bantu-membantu amat digalakkan dalam kehidupan bermasyarakat.

### 2.3 Penggandaan Berentak

- a) Tenang hatinya apabila berada jauh dari hiruk-pikuk kota yang didiaminya.
- b) Pak Abu berasa curiga melihat pemuda yang mundar-mandir di depan rumah jirannya itu.
- c) Janganlah kita membuang masa membincangkan hal titik-bengik itu.

## 3 Pemajmukan/Penggabungan

### 3.1 Rangkai Kata Bebas

- a) Cerita ini ada sangkut-pautnya dengan sejarah perjuangan Mat Kilau.
- b) Kita mesti menyelidiki latar belakang orang itu sebelum menerima pinangannya.
- c) Perdana Menteri telah menyatakan keperihatinannya terhadap masalah keciciran pelajar-pelajar.

### 3.2 Istilah Khusus

- a) Mereka bersetuju memindahkan hak milik mereka kepada pihak berkuasa.
- b) Halimah kagum melihat pemandangan di dalam gua batu kapur itu.
- c) Usaha cari gali minyak di kawasan gurun berjalan lancar.

### 3.3 Kiasan

- a) Pekerja-pekerja itu kurang senang dengan sikap ketua mereka yang pilih kasih.
- b) Pasangan muda itu berbulan madu di Switzerland selama dua minggu.
- c) Semakin ramai ibu bapa membawa anak-anak mereka makan angin pada masa cuti sekolah.

## SINTAKSIS

### 1 Pola Ayat Dasar

#### 1.1 FN+FN

(Frasa Nama + Frasa Nama)

- a) Encik Haris / pengetua maktab itu.
- b) Puan Salamah / usahawan Melayu Singapura.
- c) Kebun anggur itu / kepunyaan datuk saya.

#### 1.2 FN+FK

(Frasa Nama + Frasa Kerja)

- a) Kementerian Pendidikan / menggalakkan pelajar-pelajar mengikuti kursus pengajian.
- b) Kebanyakan suri rumah / meminati rancangan Radio Warna 94.2.
- c) Novel barunya itu / memaparkan kejayaan seorang ibu tunggal.

#### 1.3 FN+FA

(Frasa Nama + Frasa Adjektif)

- a) Wajah pesakit itu / pucat.
- b) Pendapat orang tua itu / benar lagi bernas.
- c) Suara penyanyi itu / sangat merdu.

#### 1.4 FN+FS

(Frasa Nama + Frasa Sendi)

- a) Pejabat Syarikat Manja / di bandar raya Kuala Lumpur.
- b) Rombongan muslimah itu / ke Istanbul pagi tadi.
- c) Surat itu / daripada ibu mentuanya.

## 2 Jenis Ayat

### 2.1 Ayat Penyata

- a) Belajar sepanjang hayat menjadi budaya hidup masyarakat Singapura.
- b) Sajak ciptaan penyair itu sangat panjang.
- c) Durian buah musiman kegemaran ramai.

### 2.2 Ayat Tanya

- a) Mereka tidak pernah belajar komputer?
- b) Anak kecil itu sudah pandai membaca?
- c) Bilakah penceramah itu tiba?

### 2.3 Ayat Perintah

- a) Tinah, kemaskan bilik itu sekarang. ( suruhan )
- b) Usah kau pedulikan kata-kata orang itu. ( larangan )
- c) Jemputlah datang ke majlis kami pada minggu hadapan. ( silaan )
- d) Tolong sampaikan pesanan ini kepada ketua kamu. ( permintaan )

### 2.4 Ayat Seruan

- a) Syabas anakku, engkau telah berjaya!
- b) Amboi, garangnya kakak awak!
- c) Eh, dia rupanya yang awak pilih!

## 3 Binaan Ayat

### 3.1 Ayat Tunggal

- a) Jawatankuasa pertubuhan itu sedang menghalusi beberapa saranan baru.
- b) Dia mahu menceburkan diri dalam perniagaan alat elektronik.
- c) Segala kelengkapan rumah itu disediakan oleh majikannya.

### 3.2 Ayat Majmuk

#### 3.2.1 Ayat Majmuk Gabungan

- a) Gadis itu tersenyum sambil menghulurkan derma kepada kanak-kanak itu.
- b) Ceramahnya sungguh bermutu, tambahan pula disampaikan dengan gaya yang amat menarik.
- c) Kakak memasak, abang mengemas rumah, saya dan adik membaca buku.

3.2.2 Ayat Majmuk Pancangan

- a) Puan Fatimah mengikuti kursus perniagaan untuk menyiapkan diri dalam menghadapi era ekonomi berteraskan ilmu.
- b) Sekiranya rancangan itu berjaya, dialah orang yang pertama dilantik sebagai ketua.
- c) Mereka menerima juga usulan itu, sedangkan hati mereka tidak meyakinkannya.

3.2.3 Ayat Majmuk Campuran

- a) Mereka mengetahui bahawa syarat-syarat itu amat penting dan mesti dipatuhi walaupun sesetengah daripada syarat-syarat tersebut tidak disenangi oleh mereka.
- b) Rasa cinta terhadap bahasa dan kesusasteraan perlu dipupuk sejak kecil agar kecintaan itu tertanam dalam diri pelajar-pelajar dan mendorong mereka mempelajarinya dengan lebih mendalam.

4 Ragam Ayat

4.1 Ayat Aktif

- a) Jawatankuasa pengelola akan menyusun acara pameran itu.
- b) Setiap pelakon menghidupkan watak masing-masing dengan baik.
- c) Guru memeriksa semua jawapan dengan teliti.

4.2 Ayat Pasif

- a) Segala masalah itu dihadapinya dengan sabar.
- b) Pegawai itu telah dianugerahi pangkat tertinggi dalam jabatannya.
- c) Bangunan-bangunan lama di kawasan itu telah dirobuhkan.

5 Bahagian-Bahagian Ayat

Subjek	Predikat
a) Orang muda itu	anak seorang usahawan terkenal.
b) Semua tetamu yang diundang	telah tiba tepat pada waktunya.
c) Budayawan terkenal itu	diberi anugerah penghormatan.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif	Objek
a) Nahas kapal terbang itu	mengorbankan	ratusan jiwa.
b) Ibu dan ayah	menghadiahkan	saya sebuah komputer.
c) Ketua Negara	perlu memahami	hasrat rakyatnya.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Tak Transitif	Keterangan
a) Kanak-kanak itu	beratur	dengan tertib.
b) Gadis genit itu	menyanyi	dengan penuh perasaan.
c) Semua pekerja	berkumpul	di dewan itu.

## CAKAP ASAL DAN CAKAP PINDAH

### 1 Cakap Asal

- a) "Kita perlu bekerjasama demi menjayakan projek yang penting ini," kata Encik Murad kepada anak buahnya.
- b) Mereka menjawab, "Kami sedia memberi sokongan yang saudara perlukan."
- c) "Ada sesiapa yang tidak bersetuju dengan saranan saya?" kata Encik Murad kepada mereka.

### 2 Cakap Pindah

- a) Encik Murad menyatakan bahawa mereka perlu bekerjasama demi menjayakan projek yang penting itu.
- b) Mereka menyatakan kesediaan untuk memberi sokongan yang diperlukan oleh orang itu.
- c) Encik Murad ingin tahu jika ada sesiapa yang tidak bersetuju dengan saranannya.

## TANDA BACA

Tanda baca yang perlu dipelajari adalah seperti berikut:

- \* Tanda titik bertindih (: )  
Janjinya begini : Majalah ini akan siap 10 hari lebih awal.
- \* Tanda koma bertitik (; )  
Beliau meninggalkan seorang balu, Puan Khatijah; seorang anak perempuan, Cik Aidah; seorang anak lelaki, Azman.
- \* Tanda petik tunggal (' ...' )  
Keuntungan yang diperolehnya itu datang secara 'dapat terpijak'.
- \* Tanda sempang (-)  
Pakaian tahun 60-an kembali diminati ramai dewasa ini.
- \* Tanda satar (–)  
Seramai 40 orang - 30 orang pegawai lelaki dan 10 orang pegawai wanita - menyertai persidangan itu.
- \* Tanda garis miring (/)  
Sewa bilik hotel itu \$120.00/hari.
- \* Tanda kurung (...)  
Kursus penataran (para pegawai) akan dimulai.
- \* Tanda penyingkat (' )  
Asnah 'kan kusurati.

## **INTONASI**

Intonasi ialah naik turun nada suara apabila seseorang itu berbicara dengan orang lain. Dalam pertuturan harian, nada suara kita jarang mendatar, sebaliknya berbeza-beza; ada kalanya meninggi dan ada kalanya merendah. Hal ini dipengaruhi maksud isi percakapan dan keadaan emosi kita ketika bercakap itu.

### **1 Intonasi mengikut Ragam/Jenis Ayat**

Dalam pengucapan Bahasa Melayu, terdapat intonasi yang berbeza-beza mengikut ragam dan jenis ayat. Intonasi bagi ayat penyata berbeza daripada intonasi ayat tanya. Begitu juga halnya bagi intonasi ayat perintah dan ayat seruan.

### **2 Pemisahan Frasa**

Intonasi dalam Bahasa Melayu juga berdasarkan kelompok kata yang menjadi unsur binaan ayat seperti subjek, predikat dan keterangan. Contohnya, ayat berikut harus dibaca mengikut intonasi berdasarkan pemisahan (garis miring) seperti berikut:

- 2.1 Menteri Negara Pendidikan/merasmikan pameran kerjaya / di Pusat Perdagangan Dunia.

## **3 Laras Bahasa**

Intonasi juga penting dalam penggunaan bahasa bagi menunjukkan laras-laras bahasa yang berlainan seperti laras penyampaian berita, laras perbahasan dan laras pidato. Pelajar-pelajar boleh dilatih dengan menggunakan rakaman aktiviti-aktiviti tersebut dengan menumpukan perhatian kepada penutur dalam rakaman itu.

## PENGAJARAN PERIBAHASA

Peribahasa merupakan warisan kebudayaan Melayu lama yang '***tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas***'. Ia diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan dan perkembangannya juga banyak berlaku secara lisan. Peribahasa merupakan susunan kata-kata yang teratur, sedap didengar, dan cukup bermakna. Ia dibentuk atau dicipta berdasarkan pandangan dan perbandingan yang teliti terhadap alam sekeliling dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masyarakat. Jelasnya, ia lahir daripada cerminan pemikiran yang mendalam dan kecekapan masyarakat yang didewasakan pengalaman. Oleh itu, peribahasa sesuatu bangsa itu dapat mencerminkan watak bangsa tersebut.

Peribahasa digunakan orang sebagai ***kiasan, teladan***, dan ***pengajaran***. Penggunaannya juga bertujuan untuk memperindah bahasa dan untuk menimbulkan daya tarikan atau kesan-kesan lain. Karangan atau pertuturan akan lebih menarik jika peribahasa digunakan dengan baik. Dengan itu, peribahasa adalah ***unsur gaya*** dalam ***pertuturan*** dan ***penulisan***.

Dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini, peribahasa yang disenaraikan untuk para pelajar merangkumi pelbagai jenis seperti ***simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan***.

Sesuai dengan pelaksanaan tiga inisiatif iaitu Pendidikan Nasional, pengajaran Kemahiran Berfikir dan penggunaan Teknologi Maklumat, bilangan peribahasa yang perlu dipelajari oleh pelajar telah dikurangkan.

Bagi kursus Normal (Teknikal), walaupun tiada senarai khusus peribahasa yang perlu diajar kepada para pelajar, guru-guru boleh dan digalakkan menggunakan peribahasa-peribahasa yang mudah-mudah dan sesuai dengan konteks pelajaran mereka. Ini dapat memperkaya pengetahuan dan pengalaman bahasa para pelajar.

Beberapa prinsip pengajaran peribahasa harus diamalkan oleh guru ketika mengajar peribahasa kepada para pelajar. Antaranya ialah:

- guru harus menjelaskan latar belakang penciptaan dan penggunaan peribahasa Melayu dalam masyarakat Melayu tradisi dan moden
- guru harus menjelaskan maksud perkataan-perkataan lama atau yang rendah frekuensi penggunaannya hari ini, serta konsep-konsep nilai yang terkandung dalam peribahasa yang dipelajari supaya pelajar dapat menghayatinya dengan baik. Contohnya perkataan-perkataan 'denai' dan 'ipuh'; kisah di sebalik 'Bagai Belanda minta tanah'
- peribahasa tidak harus dipelajari dengan menghafal '**maksudnya**' sahaja. Oleh itu, guru harus mengajarnya berdasarkan konteks dan situasi
- untuk menggunakan peribahasa dengan baik, pelajar hendaklah betul-betul memahami peribahasa itu dan mengetahui tempat dan ketikanya peribahasa itu diperlukan
- galakkan pelajar menggunakan peribahasa dalam karangan atau pertuturan mereka pada tempat-tempat yang tepat dan sesuai. Namun, peribahasa tidak wajar dipaksakan ke dalam konteks. Pemaksaannya akan menyebabkan tujuan penggunaannya tidak tercapai. Apabila pelajar memahami maksud sesuatu peribahasa, dan tahu menggunakannya, pada masa-masa tertentu peribahasa itu akan muncul di fikiran mereka untuk digunakan.

## PANDUAN PENILAIAN

Penilaian merupakan aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui penilaian, guru dapat menentukan sejauh mana matlamat dan objektif pengajaran mereka tercapai. Dari itu, alat ukur atau penilaian hendaklah ditentukan berdasarkan matlamat pengajaran. Dengan kata lain, penilaian mestilah mencerminkan matlamat pengajaran.

Penilaian bahasa boleh dijalankan dengan berbagai-bagai cara seperti ujian bertulis yang berbagai-bagai jenis, pemerhatian, temu bual, penyemakan rekod (profil, senarai semak atau kad kemajuan) dan penilaian sendiri.

### TUJUAN PENILAIAN

#### Bagi pelajar:

- untuk mengetahui sejauh mana para pelajar telah mencapai matlamat-matlamat pengajaran/pembelajaran yang telah guru tetapkan
- untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka
- membolehkan para pelajar mengambil tindakan susulan bagi gambaran atau profil yang lengkap mengenai tahap keupayaan pelajar

- membandingkan pencapaian di kalangan mereka
- merangsang mereka untuk meningkatkan pencapaian.

#### Bagi guru :

- untuk mengetahui keberkesanan pengajaran mereka dan membuat penyesuaian jika perlu
- memastikan adanya perkaitan antara pengajaran dengan penilaian
- menjadi asas bagi mereka untuk membuat laporan mengenai kemajuan pelajar
- menganjurkan program pemulihan dan pengayaan.

### JENIS-JENIS PENILAIAN

Penilaian terdiri daripada dua jenis iaitu penilaian **sumatif** dan penilaian **formatif**. Kedua-duanya boleh dijalankan secara formal atau informal. Kedua-dua jenis penilaian ini perlu untuk memperoleh gambaran atau profil yang lengkap mengenai tahap keupayaan pelajar dalam pelajaran bahasa dan meninjau keberkesanan pengajaran guru.

**Penilaian Formatif (Berterusan)** dijalankan sepanjang masa. Tujuannya adalah untuk melihat perkembangan penguasaan bahasa pelajar secara individu. Penilaian ini memberikan maklum balas yang membina kepada para pelajar dan juga boleh digunakan oleh guru untuk mendiagnos daerah dan bahagian kelemahan pelajar. Penilaian formatif ini dapat dijalankan secara formal atau informal.

**Penilaian Sumatif (Akhiran)** dijalankan pada peringkat akhir sesuatu program pengajaran dan pembelajaran untuk membandingkan pencapaian antara pelajar serta untuk tujuan pensijilan. Penilaian sumatif boleh berbentuk peperiksaan semester yang diadakan pada akhir penggal kedua dan keempat, dan peperiksaan nasional seperti Peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'N', 'O' dan 'A'. Penilaian ini biasanya dijalankan secara formal. Penilaian sumatif penting bagi menentukan sejauh mana objektif sesuatu program pendidikan itu telah dicapai, dan juga kesesuaian kurikulum.

**Penilaian formal** mempunyai kesan yang mendalam terhadap kaedah pengajaran dan gaya pembelajaran di bilik darjah. Penilaian ini dijalankan secara formal melalui kerja latihan atau ujian bulanan. Penilaian formal tidak dapat memberikan gambaran yang lengkap mengenai tahap kelakonan seseorang pelajar tetapi dapat mengukur pencapaian pelajar bagi tujuan menyampaikan laporan kepada waris, kenaikan darjah, pemberian hadiah/anugerah, biasiswa dan sebagainya.

**Penilaian informal** yang dijalankan secara berterusan (seperti harian, mingguan, bulanan dan sebagainya) dapat mengukur keberkesanan penyampaian seseorang guru, merancang pengajaran pemulihan, merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan dan sebagainya.

**Penilaian informal** boleh dijalankan dengan menggunakan teknik atau 'alat-alat' pengujian yang berikut:

- pemerhatian berterusan secara informal mengenai prestasi lisan seseorang pelajar sama ada secara individu atau dalam kumpulan yang interaktif sifatnya
- ujian darjah dalam berbagai-bagai bentuk (dari kuiz hingga ke soalan-soalan terbuka) boleh diberikan kepada pelajar setelah pelajar mempelajari sesuatu unit pelajaran atau pada bila-bila masa yang diperlukan
- suatu portfolio yang mengandungi contoh hasil kerja bertulis pelajar. Sampel ini boleh diambil daripada gerak kerja karangan, kefahaman membaca, kosa kata atau aktiviti bertulis yang lain
- projek yang pelajar siapkan secara individu atau kumpulan
- penilaian sendiri atau penilaian rakan sebaya yang pelajar buat mengenai diri mereka berkaitan dengan kemahiran-kemahiran tertentu atau sikap/sifat yang berkaitan dengannya. Melalui kaedah ini, pelajar dari semasa ke semasa, meneliti kemajuan mereka secara bersendirian dan/atau berbincang dengan guru serta teman-teman sedarjah. Guru boleh membantu pelajar dengan menyediakan rekod pencapaian peribadi dan senarai semak yang kemas kini

- tugas-tugas bacaan ekstensif yang digunakan untuk memantau kemajuan pelajar menyemai tabiat membaca yang baik.

## **CIRI-CIRI UJIAN DAN PENILAIAN YANG BAIK**

Ujian dan penilaian yang baik mempunyai ciri-ciri berikut:

### **1 Kesahan**

Kesahan merujuk kepada takat sesuatu ujian dapat memenuhi tujuannya. Dengan kata lain, butiran-butiran ujian itu benar-benar mengukur perkara-perkara yang hendak diukur dan bukan perkara lain. Sesuatu ujian mempunyai kesahan isi jika ia merupakan sampel yang mewakili dengan baik kandungan sukatan pelajaran dan matlamat-matlamat pelajaran. Ini bererti ujian Bahasa Melayu yang bertujuan menilai kecekapan bahasa secara am tidak seharusnya merupakan satu ujian tatabahasa.

### **2 Kebolehpercayaan**

Kebolehpercayaan adalah ciri ujian yang merujuk kepada ketekalan. Ujian yang boleh dipercayai seharusnya mencerminkan keupayaan sebenar para pelajar dengan tepat dan tekal. Ketekalan dan ketepatan ini akan tercapai seandainya soalan-soalan ujian itu digredkan dengan baik sehingga kuasa diskriminasi ujian itu dapat dicapai.

### **3 Keobjektifan**

Keobjektifan sesuatu kertas ujian dilihat dari dua sudut; iaitu

penafsiran terhadap soalan-soalan dan pemberian markah bagi jawapan para pelajar. Jika soalan-soalan ujian itu jelas dan tepat, dan sesiapa saja yang membacanya memberikan tafsiran yang sama, dan jika sekiranya bahan-bahan ujian dan pemberian markah tidak berat sebelah terhadap unsur-unsur seperti jantina, kaum, paras, latar belakang sosioekonomi dan sebagainya, maka kertas ujian itu dianggap mempunyai ciri keobjektifan.

### **4 Kebolehtadbiran**

Kebolehtadbiran merujuk kepada kelicinan pentadbiran sesuatu ujian dan pelaksanaan kegiatan-kegiatan susulannya. Kebolehtadbiran meliputi faktor kos seperti masa, tenaga dan wang. Ujian yang akan dijalankan mestilah tidak menggunakan masa, tenaga dan perbelanjaan yang berlebihan.

### **5 Positif dan Konstruktif**

Ujian ini dapat mengenal pasti secara sistematik kekuatan, kelemahan, cara belajar, keperluan, minat, sikap serta usaha pelajar. Ia juga menyediakan kegiatan susulan yang praktikal dan segera bagi para pelajar.

### **6 Berkesan**

Keberkesanan ujian itu bergantung kepada sama ada kriteria pemarkahan dan tahap pencapaiannya dinyatakan dengan jelas. Ini menjadikan penilaian tersebut lebih tepat dan tekal memandangkan sifat subjektif yang sememangnya wujud dalam penilaian bahasa.

## BEBERAPA CARA MENILAI KEMAHIRAN LISAN

### 1 Catatan Deskriptif

Guru boleh menyediakan sebuah buku catatan tentang kemahiran lisan para pelajar. Komen yang ditulis boleh berupa nota sahaja dan guru merujuk kepada nota itu apabila diperlukannya. Nota yang ditulis sebaik-baiknya mencakupi pelbagai aspek kemahiran lisan. Guru boleh juga menggunakan Skala 6 band anjuran Carroll (1980) seperti contoh berikut:

- 6 Penutur yang cemerlang
- 5 Penutur yang cekap
- 4 Penutur yang sederhana
- 3 Penutur yang agak sederhana
- 2 Penutur yang terhad kemampuannya
- 1 Penutur yang lemah
- 0 Tidak bertutur langsung.

### Contoh tahap 6 band

Band Kelancaran	Ketepatan	Liputan	Keberkesanan
1 Ucapan lancar	1 Struktur asas dan kompleks baik (ayat)	1 Semua fakta dapat dinyatakan dengan tepat dan menyeluruh	1 Dapat menjalinkan maklumat dengan mudah
2 Bersahaja dan tidak tersekat-sekat	2 Perbendaharaan kata dikuasai dengan baik	2 Perbendaharaan kata luas sama ada umum atau khusus	2 Bebas daripada bantuan rakan atau guru
3 Boleh mengekalkan komunikasi tanpa sebarang kesukaran	3 Tiada kesalahan dari segi intonasi	3 Intonasi tinggi rendah suara amat berkesan	3 Boleh memperkembangkan interaksi secara positif
		4 Mempunyai kemahiran yang tinggi untuk berkomunikasi	4 Boleh mengawal interaksi secara berkesan dan berjaya

**Borang A**  
**Skala 6 band Carroll**

## 2 Senarai/Jadual Semak

Senarai atau Jadual Semak merupakan sebuah borang, dan guru hanya perlu menandakan dengan tanda (•) atau huruf pangkatan (A,B) seperti contoh berikut (Borang B.). Bagi mengetahui perkembangan pelajar dari semasa ke semasa, guru boleh mencatatkan tarikhnya.

Nama	Keyakinan	Kejelasan	Intonasi	Kefasihhan	Gerakan
Mohd Ali	A 13/3/02		B 14/3/02		C 27/3/02
Khalid Musa	B 1/3/02	C 16/3/02			
Asmah Harun		D 29/3/02			

A : Kepingan  
B : Baik

C : Sederhana  
D : Lemah

Borang B  
Jadual 4 : Senarai Semak Kemahiran Lisan

## 3 Penilaian Kendiri

Para pelajar boleh disuruh membuat penilaian tentang diri mereka sendiri. Dengan berbuat demikian mereka akan menjadi lebih sedar tentang tahap kemahiran lisan mereka. Penilaian dijalankan dengan menyuruh para pelajar mengisi borang-borang yang sesuai dan mudah difahami. Masa yang diperlukan untuk mengisi borang itu juga singkat. Para pelajar boleh disuruh menandakan dengan tanda (✓) dalam ruangan dalam Borang C.

### Ucapan/Syarahhan

Setelah menyampaikan ucapan/syarahhan, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan menandakan (✓) peringkat pencapaian

	Lemah	Baik	Sangat Baik
1 Adakah saya memulakan ucapan/syarahhan dengan baik ?			
2 Adakah ucapan/syarahhan saya difahami kawan ?			
3 Adakah saya menyusun idea saya dengan berkesan ?			
4 Adakah saya berjaya menarik perhatian kawan-kawan sedarjah ?			
5 Adakah saya mengakhiri ucapan/syarahhan saya dengan baik ?			

Borang C  
Jadual 5: Borang Penilaian Kendiri Kemahiran Lisan

#### 4 Penilaian Rakan Sebaya

Penilaian rakan sebaya boleh dijalankan di dalam bilik darjah dengan menyuruh rakan sedarjah menilai prestasi seseorang pelajar. Bagi tujuan ini borang yang digunakan untuk penilaian sendiri boleh diubahsuai.

#### 5 Pemerhatian Sistematis

Guru boleh menjalankan pengujian lisan secara informal melalui pemerhatian sistematis. Guru menggunakan soalan-soalan tertentu untuk mengetahui perkembangan penguasaan kemahiran lisan para pelajar. Sebagai contoh, bagi kemahiran berbual/berbincang, soalan-soalan di bawah ini boleh digunakan:

Adakah seseorang pelajar itu

- dapat berbual/berbincang dengan lancar?
- menunjukkan kesedaran bahawa perbualan/perbincangan mestilah bersilih-ganti?
- memberi ucap selamat kepada guru dan rakan-rakan menurut cara yang sesuai?
- seorang pendengar yang peka?
- bersifat atau bersikap toleransi terhadap pendapat rakan lain?
- sedar tentang keperluan orang lain dalam perbualan/perbincangan?

#### PENILAIAN KEMAHIRAN MENDENGAR

Mendengar adalah satu aspek kemahiran bahasa yang payah dinilai. Apabila kemahiran mendengar dinilai sama ada

secara formal atau informal dan pelajar disuruh menjawab secara lisan atau bertulis, kemahiran menulis, membaca atau bertutur juga secara tidak langsung mempengaruhi penilaian tersebut.

Contohnya, jika pelajar disuruh mendengar bacaan sebuah petikan karangan dan setelah mendengarnya pelajar itu disuruh mencatatkan isi-isi penting petikan itu. Jika apa yang ditulis pelajar itu tidak menepati kehendak ujian, ini mungkin disebabkan ia menghadapi masalah ejaan, tatabahasa atau pelajar itu tidak dapat menyusun ideanya dengan baik. Oleh itu, guru harus sedar tentang pengaruh unsur-unsur lain dalam penilaian kemahiran mendengar.

Apabila saya mendengar adakah saya ?	Ya	Tidak	Kadang-kadang
Mendengar apa yang dicakapkan/ dibincangkan			
Fokuskan perhatian saya			
Bercakap			
Mengetahui sebab saya mendengar			
Melihat pelajar yang sedang bercakap			
Memikirkan apa yang hendak disoal			
Menyatakan semula apa yang telah didengar			
Mengingat idea/fakta			

Borang D  
Jadual 6: Senarai Semak Kemahiran Mendengar

Secara umum, penilaian informal yang dijalankan dari semasa ke semasa dapat memberikan gambaran yang lebih baik dan menyeluruh mengenai kemahiran mendengar pelajar. Penilaian secara informal meliputi pemerhatian guru terhadap daya pendengaran pelajar dan penilaian sendiri pelajar dalam berbagai-bagai situasi. Pemerhatian guru dan penilaian pelajar dibuat semasa dan sesudah sesuatu aktiviti mendengar dilakukan dengan menggunakan senarai semak. Contoh senarai semak yang pelajar boleh gunakan ada disediakan (Borang D).

### **PENILAIAN KESELURUHAN**

Kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis boleh dinilai secara berasingan untuk mengetahui kemajuan pelajar dalam setiap kemahiran tersebut. Sebenarnya, perkembangan setiap kemahiran berkaitan antara satu sama lain dan saling pengaruh-mempengaruhi. Guru tidak akan mengetahui perkembangan dan kemajuan keseluruhan penguasaan bahasa pelajar jika keempat-empat kemahiran itu dinilai secara berasingan walaupun penilaian khusus sesuatu kemahiran ada peranannya dalam program pengajaran bahasa.

Lebih penting lagi ialah guru perlu menilai sejauh mana pelajar berjaya mengadun dan menggabung jalin kemahiran-kemahiran itu dalam proses berkomunikasi. Jika para pelajar, melalui kerja kumpulan, disuruh memberi komen, menilai dan membuat cadangan membina terhadap karangan yang mereka telah tulis, tugas seperti ini memerlukan mereka membaca, mendengar, berbincang dan menulis. Tugas-tugas tersebut adalah lebih bermakna dan lebih menarik daripada menjawab soalan-soalan yang bersifat mekanikal yang sebahagian besarnya berupa ayat-ayat yang tidak berkaitan dan tidak mempunyai konteks.

Untuk mengadakan penilaian keseluruhan guru boleh menggunakan kriteria penilaian yang umum bagi kemahiran-kemahiran tertentu seperti membuat ramalan bagi kemahiran membaca dan mendengar; daya berinteraksi bagi kemahiran bertutur dan mendengar. Sebagai contoh, daya berfikir boleh dijadikan kriteria umum atau asas bagi menilai keseluruhan penguasaan bahasa pelajar. Semasa aktiviti-aktiviti itu dijalankan guru perlu memerhatikan kemahiran pelajar menggunakan keempat-empat kemahiran supaya dapat dinilai penguasaan bahasa pelajar secara keseluruhan.

### **KESIMPULAN**

Amat penting bagi kita mengingatkan diri kita mengenai dua perkara: matlamat dan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan perlunya satu pendekatan penilaian yang mencerminkan matlamat dan objektif tersebut.

Matlamat dan objektif kita melangkaui batas pencapaian kecekapan bahasa semata-mata. Terkandung di dalamnya juga matlamat-matlamat pendidikan yang bertujuan untuk membangun keseluruhan diri seorang insan melalui pembelajaran bahasa.

Walau apapun pendekatan yang diambil, ia harus menggabungkan penilaian formal dan penilaian informal yang berterusan yang saling melengkapi dan memanfaatkan pelajar.

**PANDUAN KELAKONAN PELAJAR  
HASILAN KETARA PEMBELAJARAN MENGIKUT KURSUS DAN PERINGKAT**

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
<b>KEMAHIRAN MENDENGAR</b>								
1 Mendengar pelbagai jenis teks dan menunjukkan pemahaman dengan melakukan tindak balas yang tepat atau sesuai secara verbal dan/atau nonverbal	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2 Teks harus disampaikan pada tahap kelajuan bacaan atau pertuturan biasa yang sesuai dengan peringkat pelajar dan berdasarkan tajuk-tajuk umum yang diketahui serta digemari pelajar. Teks yang digunakan boleh meliputi :								
• Cerita, lagu dan puisi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Lakonan pendek dan sketsa	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Arahan ringkas, pesanan dan pengumuman	✓	✓	✓		✓		✓	
• Program-program radio dan TV	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Perbualan mengenai pelbagai tajuk	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Haluan dan penjelasan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Perbincangan/penyampaian secara kumpulan atau kelas	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Bahas mudah, forum, ucapan spontan			✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasil	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
• Dialog, perbualan atau monolog	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Main peranan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Wawancara media, dokumentari		✓		✓		✓		✓
• Petikan cerpen, drama, ulasan, forum, ucapan				✓		✓		✓
• Petikan syarahan, ceramah, penyampaian				✓	✓	✓	✓	✓
• Peraduan berpidato dan bahas antara kelas, ucapan umum			✓	✓	✓	✓	✓	✓
3 Pemahaman boleh diperlihatkan melalui keupayaan pelajar melakukan perkara-perkara berikut:								
• bertanya/memberi penjelasan mengenai apa yang didengar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menjawab soalan secara lisan mengenai apa yang didengar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• memberikan intisari atau idea-idea utama mengenai apa yang didengar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menceritakan semula apa yang didengar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• memberi pendapat mengenai apa yang didengar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• melakukan sesuatu mengikut arahan lisan dengan betul (seperti mengisi borang soal selidik, jadual, carta, borang dan lain-lain)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menterjemahkan apa yang didengar ke dalam bentuk gambar atau grafik	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menjawab soalan-soalan berdasarkan pelbagai peringkat taksonomi seperti mengingat semula, kefahaman, inferens, analisis, aplikasi dan penilaian		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menyokong atau menyangkal pendapat dengan memberi sebab-sebab		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• bertanya soalan-soalan yang relevan		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menilai apa yang didengar berdasarkan panduan atau kriteria yang diberi			✓	✓	✓	✓	✓	✓
• memparafrasa atau meringkaskan maklumat			✓	✓	✓	✓	✓	✓
• mencatatkan nota perbincangan			✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
<b>KEMAHIRAN BERTUTUR</b>								
1 Bertutur dengan terang, jelas, lancar dan dengan gaya yang sesuai mengikut situasi pertuturan atau mengenai tajuk-tajuk umum yang diketahui dan digemari oleh pelajar.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2 Situasi pertuturan ini boleh meliputi:								
• perbincangan kumpulan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• ulasan selari seperti acara sukan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• sesi bercerita	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• interaksi antara guru dengan murid	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• main peranan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• lakonan pendek dan sketsa	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• interaksi sosial yang umum (dengan rakan sebaya, ahli keluarga, orang dewasa, saudara-mara)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• ucapan spontan atau yang disediakan mengenai tajuk-tajuk umum	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• wawancara	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• persembahan/penyampaian kelas	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• perbincangan kelas	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• bahas dan forum				✓	✓	✓	✓	✓
• penyampaian pesanan/arahan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• penyampaian laporan, projek, bahas dan lain-lain		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• mempengerusikan mesyuarat, bahas atau forum				✓		✓		✓
• mengacarakan kuiz, permainan bahasa dan lain-lain			✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
3 kecekapan para pelajar boleh diperhatikan melalui keupayaan mereka menggunakan :								
• gaya dan laras bahasa yang sesuai dengan latar, tujuan dan khalayak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• kemahiran interaksi sosial (termasuk isyarat-isyarat nonverbal) yang sesuai untuk berkomunikasi dan memberi respons	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• kosa kata, ungkapan dan struktur yang sesuai bagi menyampaikan maksud dan berfungsi dalam hal-hal seperti berikut:								
⇒ menyapa, meminta maaf, memberi penghargaan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ bertanya soalan-soalan atau memberi komen-komen yang relevan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menceritakan kejadian-kejadian (berdasarkan rangsangan luar, jika perlu)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ memberikan arahan secara terperinci		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menjelaskan, mencontohkan, memperluaskan, mewajarkan perkara pokok	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menjelaskan kenyataan, menyatakan keraguan atau kesangsian				✓		✓		✓
⇒ mengkritik secara membina, memuji atau memberi penghargaan terhadap sumbangan-sumbangan yang baik				✓		✓		✓
⇒ menilai keyataan/sumbangan yang mudah		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ memparafrasa, meringkaskan atau menyusun semula			✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ membaca nyaring prosa atau mendeklamasi puisi dengan lancar dan berperasaan serta kesedaran tentang khalayak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
<b>KEMAHIRAN MEMBACA</b>								
1 Membaca teks yang luas kepelbagaiannya dan menunjukkan pemahaman (dan penikmatan) melalui tindak balas secara lisan dan/atau tulisan.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2 Teks bacaan harus disesuaikan dengan peringkat pelajar di segi kosa kata, stuktur ayat dan kepadatan maklumat. Tajuk-tajuk umum yang diketahui serta digemari pelajar boleh meliputi :								
• cerpen, skrip drama dan novel	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• lagu dan puisi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• rencana dari majalah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• iklan dan risalah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• berita, surat dari mimbar pembaca		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• laporan ringkas (seperti proses teknikal)		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• peraturan (seperti keselamatan di bengkel, tempat kerja)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• pemerian, arahan, pesanan dan pengumuman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• sketsa	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• lakonan pendek dan dialog	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• jadual, carta dan graf	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• bahan-bahan media: brosur pelancongan, laporan berita, program radio dan TV	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• bahan-bahan rujukan : kamus, ensaiklopedia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• rencana pengarang				✓		✓	✓	✓
• esei berbentuk argumentatif dan ekspositori				✓	✓	✓	✓	✓
• novel, puisi dan skrip drama		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• bahan-bahan grafik : carta, peta, kartun dan lain-lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
3 Pemahaman boleh diperlihatkan melalui keupayaan pelajar melakukan perkara-perkara berikut :								
• meneliti bahan untuk mendapatkan butir-butir terperinci berdasarkan arahan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• membaca teks sepintas lalu bagi mendapatkan idea-idea utama dan meringkaskannya		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• membuat ramalan sebelum dan semasa membaca sebuah teks	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menjawab soalan-soalan pada tahap-tahap kefahaman yang berbeza, seperti pengetahuan, inferens dan aplikasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menjawab soalan-soalan yang menguji kefahaman pada tahap tinggi iatu analisis, sintesis dan penilaian				✓		✓		✓
• mengisi borang, jadual, carta dan borang soal selidik berdasarkan maklumat daripada teks	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• meluahkan pendapat atau perasaan mengenai apa yang dibaca	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• memberi sebab/alasan bagi menyokong perasaan dan pendapat mengenai apa yang dibaca		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• membuat inferens terhadap makna perkataan-perkataan baharu/asing dengan menggunakan petunjuk-petunjuk kontekstual dan nonkontekstual dan sekali sekala menggunakan kamus				✓	✓	✓	✓	✓
• membina semula maklumat dengan berbagai-bagai cara, seperti :								
⇒ memparafrasa sedekat mungkin teks asal			✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menulis ringkasan (dengan menggunakan beberapa ayat)			✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ memindahkan maklumat (daripada teks grafik atau sebaliknya)				✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menggunakan sudut pandangan yang berbeza		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menggunakan bentuk-bentuk dan struktur tatabahasa yang berbeza				✓		✓		✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
<b>KEMAHIRAN MENULIS</b>								
1 Menulis pelbagai jenis teks dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan dan fungsi mengenai tajuk-tajuk umum pilihan pelajar atau guru.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2 Hasil penulisan meliputi :								
• catatan pengalaman peribadi (termasuk pemikiran dan perasaan)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• cerita , puisi, skrip (main peranan, drama)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• prosa ekspositori, seperti menerangkan suatu proses yang mudah		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• pemerian (tentang manusia, tempat, benda, perasaan)		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• penulisan transaksional: pesanan, arahan, laporan, surat (formal/tak formal), nota, kad jemputan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• ceramah ringkas, ulasan				✓		✓		✓
• penulisan berbentuk pujukan yang memerlukan justifikasi mengenai pilihan, keutamaan, cadangan, pendapat dan lain-lain				✓		✓		✓
• mengisi borang dan borang soal selidik	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• mereka bentuk poster dan risalah maklumat seperti mengenalkan suatu barangan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• merumus peraturan-peraturan asas (seperti langkah-langkah keselamatan di bengkel perusahaan)		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• ringkasan berdasarkan teks yang disediakan			✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
3 Kemahiran menulis boleh diperlihatkan melalui keupayaan pelajar melakukan perkara-perkara berikut :								
• menulis teks dalam pelbagai bentuk untuk pelbagai tujuan, menyampaikan sesuatu perkara sesuai dengan keperluan khalayak (seperti rakan sebaya, ibu bapa, pengetua) dan dapat mengekalkan minat pembaca	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menghasilkan sendiri atau dengan bimbingan, karangan yang padu isinya dengan menggunakan ayat-ayat yang berperenggan dan tanda baca yang betul		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menggunakan pelbagai ciri tatabahasa dan leksikal dengan gaya bahasa yang sesuai dengan tajuk, tujuan dan khalayak		✓		✓		✓		✓
• menggunakan bahasa Melayu baku (kecuali di bahagian-bahagian yang diperlukan seperti puisi) dan memperlihatkan perbezaan antara bahasa lisan dengan bahasa tulisan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• mengumpulkan idea-idea di kertas atau layar komputer, atau melalui perbincangan dengan teman-teman dan seterusnya dapat menghasilkan satu draf, kemudian menyuntingnya apabila perlu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
<b>KEMAHIRAN BERFIKIR</b>								
1 Menggunakan pelbagai kemahiran dan strategi berfikir untuk menangani idea, isu dan situasi bagi tujuan-tujuan tertentu.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2 Para pelajar dapat menggunakan kemahiran dan strategi berfikir apabila diperlukan untuk melakukan aktiviti bahasa, seperti kefahaman membaca, menulis dan lisan. Bahan dan tugas harus memberi pelajar peluang untuk menggunakan kemahiran dan strategi berfikir dan digabung jalin dalam pelajaran bahasa.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3 Kemahiran berfikir dapat diperlihatkan melalui keupayaan pelajar melakukan perkara-perkara berikut :								
• memikir dan memeriksa dengan teliti segala faktor sebelum memberi respons bagi memenuhi objektif/maksud, seperti:								
⇒ sebab, punca dan/atau akibat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ baik dan/atau buruk	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ bukti-bukti yang ada, faktor atau maklumat yang relevan, pandangan, pendapat dan reaksi orang lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menggunakan strategi-strategi yang sesuai bagi menghasilkan idea kreatif, wawasan, penyelesaian dan lain-lain seperti berikut :								

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
⇒ menggunakan sesuatu idea atau objek secara rambang sebagai batu loncatan untuk mendapatkan idea atau pemikiran baru	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menggabungkan idea-idea atau objek-objek yang berbeza atau tidak berkaitan menjadi idea baru	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ meluaskan sesuatu idea	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ meneliti persamaan di dalam perbezaan dan/atau perbezaan di dalam persamaan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menterjemahkan idea-idea dalam satu bentuk ke bentuk yang lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ mencabar konsep-konsep tradisional atau pemikiran lama yang telah diterima		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menggunakan kemahiran-kemahiran menganalisis dan menilai untuk mencapai suatu objektif, seperti :								
⇒ mengenal pasti dan menentukan masalah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menyusun keutamaan keperluan, kehendak dan lain-lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ mengenal pasti kelemahan dalam hujah/perdebatan		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ menggunakan cara-cara yang sesuai untuk menyusun data bagi penyelidikan		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
⇒ membuat inferens, generalisasi, kesimpulan yang sah berdasarkan bukti		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
<b>BAHASA DAN BUDAYA MELAYU</b>								
1 Para pelajar menghargai dan memberi respons yang wajar dan peka terhadap kepelbagaian tradisi dan budaya Melayu termasuk nilai, pemikiran, idea atau sikap sebagaimana yang digambarkan dalam teks lisan dan tulisan.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2 Para pelajar di peringkat menengah rendah dari semasa ke semasa, akan didedahkan dengan bahan-bahan lisan dan tulisan yang mencerminkan secara eksplisit ciri-ciri budaya dan nilai masyarakat Melayu. Para pelajar harus menghargai dan memberi respons terhadap perkara tersebut dengan sewajarnya.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3 Para pelajar di peringkat menengah atas pula harus menunjukkan penghargaan dan penghayatan yang lebih mendalam terhadap bahasa dan budaya Melayu. Mereka harus dapat memproses teks yang lebih kaya/padat dengan idea, pemikiran, nilai dan budaya, di samping dapat menggunakan bahasa yang lebih kompleks dari segi kosa kata, struktur dan lain-lain.				✓		✓		✓
4 Para pelajar mempunyai penghayatan dan kepekaan terhadap budaya Melayu melalui bahasa dapat ditunjukkan oleh pelajar dengan keupayaan mereka untuk :								
• menghargai dan menghayati ciri-ciri budaya dan makna-makna simbolik dalam kata-kata serta ungkapan Melayu, dan dapat menggunakannya bagi meningkatkan keupayaannya dalam pertuturan dan penulisan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Hasilan	Normal (T)		Normal (A)		Ekspres		Khas	
	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4	M1-M2	M3-M4
• menggunakan bahasa baku dalam penulisan formal mereka, kecuali di tempat-tempat yang sesuai	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menyedari wujudnya perbezaan dari segi ejaan, sebutan dan kosa kata antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• menyedari wujudnya kiasan dan rujukan yang bersifat sejarah dan budaya yang terkandung dalam peribahasa Melayu, agar dapat menggunakannya dengan tepat dan sesuai dengan konteksnya.			✓	✓	✓	✓	✓	✓

## HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI

Pada akhir pendidikan di sekolah menengah, pelajar seharusnya:

- mempunyai integriti moral
- mengambil berat terhadap orang lain
- dapat bekerja dalam kumpulan dan menghargai setiap sumbangan
- mempunyai asas yang luas untuk pendidikan lanjutan
- yakin dengan kebolehan mereka
- menghargai nilai-nilai estetik
- mengenali dan yakin terhadap Singapura.

## SUKATAN PELAJARAN BAHASA MELAYU 'B'

### Objektif

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B' bertujuan memudahkan proses pembelajaran Bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar yang menghadapi kepayahan besar. Dengan cara ini, pelajar-pelajar tersebut diharapkan tetap mempunyai minat dalam Bahasa Melayu dan akan terus berusaha mempelajarinya sebagai bahasa kedua.

### Tahap

Tahap kepayahan/penguasaan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B' di peringkat 'O' lebih rendah daripada Bahasa Melayu di peringkat 'N'. Oleh sebab tidak terdapat senarai perkataan yang khusus, buku-buku teks dan kertas peperiksaan akan digunakan sebagai kayu ukur bagi menetapkan tahap penguasaan/ kepayahan.

### Kandungan Sukatan

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B' meliputi kemahiran berkomunikasi terutama sekali kemahiran-kemahiran mendengar dan bertutur di samping kemahiran membaca dan menulis. Sukatan ini mengandungi komponen-komponen berikut:

- mendengar dan bertutur
- membaca
- menulis
- penggunaan bahasa dan aktiviti-aktiviti budaya

Masa kurikulum yang diperuntukkan bagi Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B' adalah 6 waktu pelajaran seminggu. Berikut adalah saranan pembahagian masa bagi pelbagai komponen:

Komponen	Peratusan
Mendengar dan bertutur	40%
Membaca	30%
Menulis	20%
Penyertaan aktiviti-aktiviti budaya	10%
Jumlah	100%

Ada dua jenis bahan bacaan untuk kefahaman. Pertama ialah bahan bacaan umum atau teks bebas. Yang kedua terdiri daripada teks pilihan bagi peperiksaan. Teks-teks pilihan ini merupakan bahagian utama dalam buku teks yang akan disiapkan dengan tahap bahasa yang lebih mudah. Tujuan memasukkan teks-teks ini dalam peperiksaan adalah untuk membantu para pelajar meramal soalan yang akan dikemukakan. Pelajar-pelajar yang membacanya berulang kali diharapkan dapat memahami bahasa dan budaya Melayu dan berasa yakin untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan.

Pengajaran kemahiran menulis tertumpu pada penulisan nota-nota yang mudah dan ringkas, catatan diari, surat kiriman tidak rasmi dan karangan pendek berdasarkan gambar.

Para pelajar peringkat ini juga harus memahami aspek asas tatabahasa dan menjawab soalan penggunaan bahasa. Penyertaan aktiviti budaya dalam kursus ini bertujuan menghidupkan suasana pembelajaran yang lebih menarik agar para pelajar memahami bahasa dan budaya Melayu.

## Penilaian

Format kertas Peperiksaan Peringkat 'O' adalah seperti berikut :

Komponen	Peratusan
Kefahaman Mendengar	20%
Lisan	20%
Kefahaman Bebas, Kefahaman daripada teks yang dipilih dan Penggunaan Bahasa	40%
Penulisan	20%
Jumlah	100%

Sistem gred untuk Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B' berbeza dengan sistem gred bagi BM. Pelajar yang mengambil Bahasa Melayu Sukatan 'B' akan diberikan gred Merit, Lulus atau Gagal. Gred Merit diberikan kepada para pelajar yang telah berusaha lebih gigih dan mendapat keputusan yang baik. Program Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 'B' akan diperkenalkan mulai tahun 2002 pada peringkat Menengah 3. Pelajar-pelajar dibenarkan mengambil peperiksaan ini pada akhir Menengah 4.